

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

(93745-A)

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Beraudit

31 Disember 2014

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD**(Diperbadankan di Malaysia) - PENYATA KEWANGAN BERAUDIT 31 DISEMBER 2014**

KANDUNGAN	HALAMAN
Laporan Pengarah	1 - 6
Penyata Pentadbiran Korporat	7 - 22
Penyata Daripada Pengarah	23
Akuan Berkanun	23
Laporan Para Juruaudit Bebas	24 - 25
Lembaran Imbangan	26
Penyata Pendapatan	27
Penyata Pendapatan Komprehensif	28
Penyata Perubahan Ekuiti	29
Penyata Aliran Tunai	30
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	31 - 142

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

LAPORAN PENGARAH

Dengan sukacita, para Pengarah membentangkan laporan dan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat ialah pengunderaitan bagi perniagaan insurans hayat dan dana berkaitan pelaburan.

Tiada sebarang perubahan ketara terhadap aktiviti utama Syarikat sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

RM'000

Keuntungan bersih bagi tahun kewangan

662,678

Tiada pemindahan nyata kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan sebarang perkara, urusan niaga atau keadaan yang nyata dan luar biasa.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

RM'000

Untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013:

Dividen kedua dan akhir tingkat tunggal sebanyak RM3.699 sesaham biasa ke atas
100,000,005 saham biasa yang diisytiharkan pada 25 Mac 2014 dan dibayar pada
29 April 2014

369,900

Untuk tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2014:

Dividen interim tingkat tunggal sebanyak RM1.20 sesaham biasa ke atas 100,000,005
saham biasa yang dibayar pada 30 September 2014

120,000

489,900

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

LEMBAGA PENGARAH

Nama para Pengarah Syarikat sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Encik Norman Ip Ka Cheung (Dilantik pada 8 August 2014)

Y Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib

Y Bhg Dato' Yeoh Beow Tit

Y Bhg Dato Koh Yaw Hui

Encik Lee Kong Yip

Encik Ng Hon Soon (Dilantik pada 1 November 2014)

Puan Fang Ai Lian (nee Ho Ai Lian) (Pengerusi) (Bersara pada 16 April 2014)

Encik Christopher Wei (Bersara pada 30 September 2014)

Menurut Seksyen 129 bagi Akta Syarikat, 1965, Encik Lee Kong Yip akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk pelantikan semula.

Menurut Artikel 66 bagi Artikel Penubuhan Syarikat, Yg Bhg Dato' Albert Yeoh Beow Tit dan Yg Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk pemilihan semula.

MANFAAT LEMBAGA PENGARAH

Pada sepanjang dan akhir tahun kewangan, Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan Pengarah mendapat faedah melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain selain daripada pilihan terhadap saham dalam syarikat induk utama seperti dinyatakan dalam laporan ini.

Sejak tahun kewangan berakhir sebelumnya, tiada Pengarah telah atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam agregat amaun emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap pekerja sepenuh masa Syarikat seperti dinyatakan dalam Nota 24(b) dan 31(b) dalam penyata kewangan) melalui kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau firma yang mana Pengarah merupakan ahli atau berkaitan dengan sebuah Syarikat yang mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan tertentu yang perlu dinyatakan di bawah Seksyen 169(8) Akta Syarikat, 1965.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

KEPENTINGAN LEMBAGA PENGARAH

Berdasarkan daftar pegangan saham Pengarah, kepentingan para Pengarah yang berkhidmat pada tahun kewangan berakhir terhadap saham dan pilihan saham dalam syarikat induk utama, Oversea-Chinese Banking Corporation Limited ("OCBC Bank") sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	<u>Pegangan saham yang mana para Pengarah mempunyai kepentingan terus</u>			
	<u>1.1.2014</u>	<u>Pemilikan</u>	<u>Pelupusan</u>	<u>31.12.2014</u>
a) Saham biasa dalam modal OCBC Bank				
Encik Norman Ip Ka Cheung	3,450	500	-	3,950
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit	345,815	48,417	(30,000)	364,232
Yg Bhg Dato Koh Yaw Hui	80,756	39,244	-	120,000
Encik Lee Kong Yip	124,108	18,274	-	142,382

	<u>Pegangan saham yang mana para Pengarah dianggap mempunyai kepentingan</u>			
	<u>1.1.2014</u>	<u>Diberi</u>	<u>Diberi hak</u>	<u>31.12.2014</u>
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit	29,961	-	-	29,961 ⁽¹⁾
Yg Bhg Dato Koh Yaw Hui	35,102	15,013	(11,629)	38,486 ⁽²⁾

Nota:

- (1) Mengandungi anggap kepentingan dalam 29,960 saham biasa tertakluk kepada pemberian di bawah Pelan Saham Tertunda OCBC dan hak langganan terhadap satu (1) saham biasa yang diberi di bawah Pelan Pembelian Saham Pekerja OCBC.
- (2) Mengandungi anggap kepentingan dalam 31,205 saham biasa tertakluk kepada pemberian di bawah Pelan Saham Tertunda OCBC dan langganan terhadap 7,281 saham biasa yang diberi di bawah Pelan Pembelian Saham Pekerja OCBC.

	<u>Pegangan saham yang mana para Pengarah mempunyai kepentingan terus</u>			
	<u>1.1.2014</u>	<u>Pemilikan</u>	<u>Pelupusan</u>	<u>31.12.2014</u>
b) 4.2% Saham Keutamaan Kelas G tidak kumulatif yang tidak boleh ditukar dalam OCBC Bank				
Encik Norman Ip Ka Cheung	2,000	-	-	2,000

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

KEPENTINGAN LEMBAGA PENGARAH (SAMB.)

Pilihan pegangan oleh para Pengarah atas nama sendiri

	Tarikh Tamat	Harga Laksana		Pelarasan	Diberi	Pelaksanaan	31.12.2014
		S\$	1.1.2014				
c) Pilihan untuk melanggan saham biasa dalam modal OCBC Bank							
Yg Bhg							
Dato' Yeoh	13.3.2017	8.35	50,000	1,415	-	-	51,415
Beow Tit	13.3.2018	7.31	50,000	1,415	-	-	51,415
Yg Bhg	7.4.2015	5.63	20,000	566	-	-	20,566
Dato Koh	22.5.2016	6.40	20,000	566	-	-	20,566
Yaw Hui	13.3.2017	8.35	20,000	566	-	-	20,566
	13.3.2018	7.31	25,000	707	-	-	25,707
	15.3.2019	4.02	20,000	566	-	-	20,566
	14.3.2020	8.52	40,000	1,132	-	-	41,132
	13.3.2021	9.09	36,773	1,040	-	-	37,813
	13.3.2022	8.56	84,010	2,377	-	-	86,387
	13.3.2023	10.02	185,901	5,260	-	-	191,161
	13.3.2024	9.17	-	3,392	119,885	-	123,277

* Harga laksana dan bilangan pilihan telah dilaras menurut terbitan hak OCBC.

Selain daripada yang dinyatakan di atas, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

URUS TADBIR KORPORAT

Syarikat telah mengambil langkah bersepadu untuk mematuhi Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") BNM/RH/GL/003-2 dalam "Rangka Kecermatan Pentadbiran Korporat untuk Syarikat Insurans" terhadap prinsip yang dinyatakan dalam garis panduan ini bagi memastikan kebertanggungjawaban awam pada setiap masa. Butiran lanjutan dinyatakan pada mukasurat 7 hingga 22 dalam penyata kewangan ini.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum lembaran imbangan, penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah wajar:
- (i) untuk menentukan bahawa tindakan wajar telah diambil berkaitan pelupusan hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu serta berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang nilainya mungkin tidak boleh direalisasikan seperti ditunjukkan dalam rekod perakaunan dalam urusan biasa telah diturunkan nilai kepada amaun yang dijangka boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:
- (i) amaun yang dihapus kira untuk hutang lapuk atau nilai peruntukan hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara; dan
 - (ii) nilai yang dicatatkan bagi aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang timbul yang mungkin boleh menyebabkan pematuhan terhadap kaedah penilaian aset atau liabiliti Syarikat yang sedia ada adalah mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat, yang boleh menyebabkan mana-mana amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan adalah mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak tahun kewangan berakhir yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang timbul sejak tahun kewangan berakhir.
- (f) Pada pendapat para Pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang boleh dikuatkuasakan atau dijangka boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tahun kewangan berakhir yang akan atau boleh menjejaskan kemampuan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya pada dan bila tiba masanya; dan

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

(f) Pada pendapat para Pengarah (Samb.):

(ii) tiada perkara, urusan atau kejadian yang ketara dan luar biasa telah berlaku antara tahun kewangan berakhir dan tarikh laporan ini, yang mungkin boleh menjejaskan keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini disediakan.

(g) Sebelum lembaran imbalan dan penyata kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah bersepadu untuk menentukan bahawa tindakan wajar telah diambil terhadap peruntukan yang mencukupi bagi liabiliti insurans menurut kaedah penilaian yang dinyatakan dalam Bahagian D, Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Syarikat insurans yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia ("BNM").

Bagi tujuan perenggan (e) dan (f) di atas, sebarang liabiliti luar jangka dan lain-lain liabiliti tidak termasuk liabiliti yang disebabkan pengunderaitan kontrak insurans bagi jenis perniagaan biasa oleh Syarikat.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para Pengarah bertarikh 30 Januari 2015.

Yeoh Beow Tit
Kuala Lumpur

Koh Yaw Hui

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

URUS TADBIR KORPORAT (seperti dirujuk dalam Laporan Pengarah)

Lembaga Pengarah Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad ("Syarikat") mengiktiraf kepentingan keseluruhan urus tadbir korporat bagi Syarikat dan komited untuk mendukung amalan-amalan urus tadbir korporat yang baik sebagai mematuhi Garis Panduan BNM mengenai "Rangka Kerja Berhemah Urus Tadbir Korporat bagi Syarikat Insurans" (BNM/RH/GL 003-2) bertarikh 19 June 2003 ("Rangka Kerja"). Rangka Kerja itu dibahagikan kepada enam seksyen utama iaitu, Tanggungjawab dan Seliaan Lembaga, Kebertanggungjawaban Pengurusan, Kebebasan Korporat, Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Pengendalian ("Pengurusan Risiko"), Kebertanggungjawaban Awam dan Laporan Kewangan. Terdapat 33 prinsip terkandung dalam Rangka Kerja tersebut.

Syarikat mengamalkan amalan pengurusan yang mematuhi Rangka Kerja.

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA

Pengendalian Urusan

Lembaga Pengarah Syarikat ("Lembaga") mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk meneraju Syarikat dan menyediakan hala tuju strategik berkenaan objektif korporat, memantau matlamat prestasi dan strategi perniagaan untuk Syarikat. Tanggungjawab pengawasan utama Lembaga Pengarah adalah untuk memastikan Syarikat terus berdaya maju dan ia diuruskan demi kepentingan Pemegang Saham secara keseluruhan di samping mengambil kira kepentingan pihak berkepentingan yang lain. Peranan dan fungsi, antara lain, termasuk yang berikut:

- (a) mengkaji semula dan meluluskan pelan perniagaan tahunan dan pelan strategik Syarikat
- (b) menyelia perjalanan perniagaan Syarikat untuk memastikan perniagaan diuruskan dengan sepatutnya untuk mencapai objektif korporat penanggung insurans, dan urusan Syarikat dengan pemilik polisi, penuntut dan pemiutang dijalankan secara adil dan saksama;
- (c) mengenal pasti risiko perniagaan utama, menentukan tahap risiko Syarikat dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian untuk mengurus risiko mengikut had toleransi risiko yang telah ditentukan;
- (d) memastikan kecukupan dan integriti kawalan dalaman dan pengurusan sistem maklumat Syarikat, termasuk sistem bagi memantau pematuhan undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, arahan dan garis panduan; dan
- (e) memastikan penggantian pengurusan dan pengurusan prestasi yang berpatutan bagi Syarikat untuk memenuhi objektifnya.

Syarikat telah menerima pakai garis panduan dalaman mengenai perkara-perkara yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah. Perkara-perkara yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah termasuk penstrukturan semula korporat, pemerolehan dan pelupusan aset oleh Syarikat, segala urus niaga penting dengan pihak berkaitan, aras kuasa bagi fungsi teras Syarikat, sumber luar bagi fungsi perniagaan teras dan polisi korporat tentang pelaburan, pengunderaitan, insurans semula, pengurusan tuntutan dan pengurusan risiko.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Jawatankuasa Lembaga

Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga bagi membantu menjalankan dengan lebih berkesan penyeliaannya ke atas operasi dan hal ehwal perniagaan Syarikat. Jawatankuasa Lembaga terdiri daripada Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuhan, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Risiko Lembaga. Semua Jawatankuasa Lembaga telah tertakluk kepada terma bertulis yang jelas yang diluluskan oleh Lembaga. Jawatankuasa Lembaga Syarikat meneliti isu-isu tertentu menurut rujukan masing-masing dan melaporkan kepada Lembaga dengan saranan mereka. Tanggungjawab mutlak bagi membuat keputusan terletak pada Lembaga. Maklumat terperinci mengenai peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga dinyatakan dalam seksyen Jawatankuasa Lembaga yang berkenaan di bawah. Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini telah dikekalkan dan diedarkan kepada Lembaga secara berkala.

Mesyuarat dan Kehadiran Pengarah

Lembaga bermesyuarat sekerap yang mungkin setiap tahun, untuk mengkaji prestasi perniagaan dan aktiviti utama Syarikat yang dibentangkan oleh Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat, dan menimbangankan cadangan perniagaan yang bersifat ketara. Keputusan telah diambil secara objektif demi kepentingan Syarikat. Di mana dibenarkan oleh keadaan tertentu, mesyuarat ad hoc Lembaga atau Jawatankuasa Lembaga akan diadakan. Pada tahun 2014, Lembaga telah mengadakan enam mesyuarat Lembaga yang dijadualkan dan dua mesyuarat Lembaga yang tidak dijadualkan.

Bilangan mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang diadakan pada tahun 2014 dan kehadiran di mesyuarat-mesyuarat yang diadakan semasa Pengarah berkenaan memegang jawatan sebagai ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Nama pengarah	Lembaga		Jawatankuasa Pencalonan	
	Bilangan mesyuarat ⁽⁷⁾ Diadakan	Kehadiran	Bilangan mesyuarat ⁽⁸⁾ Diadakan	Kehadiran
Puan Fang Ai Lian (nee Ho Ai Lian) ⁽¹⁾	3	3	2	2
Encik Norman Ip Ka Cheung ⁽²⁾	2	2	2	2
Encik Christopher Brian Wei ⁽³⁾	7	5	6	4
Yg Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib ⁽⁴⁾	8	8	7	7
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit ⁽⁵⁾	8	8	7	7
Yg Bhg Dato Koh Yaw Hui	8	8	-	7 ⁽¹²⁾
Encik Lee Kong Yip	8	8	7	7
Encik Ng Hon Soon ⁽⁶⁾	1	1	1	1

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Mesyuarat dan Kehadiran Pengarah (Samb.)

Nama pengarah	Jawatankuasa Imbuan		Jawatankuasa Audit	
	Bilangan mesyuarat ⁽⁹⁾		Bilangan mesyuarat ⁽¹⁰⁾	
	Diadakan	Kehadiran	Diadakan	Kehadiran
Puan Fang Ai Lian (nee Ho Ai Lian) ⁽¹⁾	2	2	2	2
Encik Norman Ip Ka Cheung ⁽²⁾	-	-	1	1
Encik Christopher Brian Wei ⁽³⁾	2	2	-	3 ⁽¹²⁾
Yg Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib ⁽⁴⁾	-	2 ⁽¹²⁾	2	2
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit ⁽⁵⁾	-	2 ⁽¹²⁾	5	5
Yg Bhg Dato Koh Yaw Hui	-	2 ⁽¹²⁾	-	5 ⁽¹²⁾
Encik Lee Kong Yip	2	2	5	5
Encik Ng Hon Soon ⁽⁶⁾	-	-	-	-

Nama pengarah	Jawatankuasa Risiko Lembaga	
	Bilangan mesyuarat ⁽¹¹⁾	
	Diadakan	Kehadiran
Puan Fang Ai Lian (nee Ho Ai Lian) ⁽¹⁾	-	-
Encik Norman Ip Ka Cheung ⁽²⁾	-	-
Encik Christopher Brian Wei ⁽³⁾	6	3
Yg Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib ⁽⁴⁾	3	3
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit ⁽⁵⁾	7	7
Yg Bhg Dato Koh Yaw Hui	-	7 ⁽¹²⁾
Encik Lee Kong Yip	7	7
Encik Ng Hon Soon ⁽⁶⁾	-	-

Nota:

- (1) Meletak jawatan sebagai Pengerusi Lembaga dan berhenti sebagai Ahli Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuan dan Jawatankuasa Audit pada 16 April 2014.
- (2) Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuan dan Jawatankuasa Audit pada 8 August 2014. Encik Norman Ip Ka Cheung telah dilantik semula sebagai Pengarah Eksekutif sejak 21 November 2014.
- (3) Meletak jawatan sebagai Pengarah dan berhenti sebagai Ahli Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuan dan Jawatankuasa Risiko Lembaga pada 30 September 2014.
- (4) Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit and Jawatankuasa Risiko Lembaga pada 1 July 2014.
- (5) Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Imbuan pada 1 July 2014.
- (6) Dilantik sebagai Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan pada 1 November 2014.
- (7) Sejumlah 8 mesyuarat Lembaga telah diadakan dalam tahun 2014, pada 24 January, 3 March (*ad hoc*), 25 March, 2 May (*ad hoc*), 30 May, 22 July, 26 September dan 20 November 2014.
- (8) Sejumlah 7 mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan telah diadakan dalam tahun 2014, pada 24 January, 25 March, 2 May (*ad hoc*), 30 May, 21 July, 26 September dan 20 November 2014.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Mesyuarat dan Kehadiran Pengarah (Samb.)

Nota: (Samb.)

- (9) Sejumlah 2 mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan telah diadakan dalam tahun 2014, pada 24 January dan 25 March 2014.
- (10) Sejumlah 5 mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diadakan dalam tahun 2014, pada 24 January, 25 March (*ad hoc*), 17 April, 21 July dan 16 October 2014.
- (11) Sejumlah 7 mesyuarat Jawatankuasa Risiko Lembaga telah diadakan dalam tahun 2014, pada 7 January, 28 February, 2 May, 10 June, 22 July (*ad hoc*), 22 August dan 30 October 2014.
- (12) Kehadiran oleh Jemputan.

Ahli Lembaga

Lembaga terdiri daripada 6 ahli jawatankuasa. Semua Pengarah mematuhi had maksimum yang ditetapkan bagi jawatan pengarah lain yang dipegang. Para Pengarah Bebas memberi pandangan, nasihat dan pertimbangan kepada isu-isu yang tidak berat sebelah dan bebas, untuk pertimbangan Lembaga.

Komposisi Lembaga adalah seperti berikut:

Ahli	Status jawatan pengarah
Encik Norman Ip Ka Cheung	Pengerusi dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Yg Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Yg Bhg Dato Koh Yaw Hui	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
Encik Lee Kong Yip	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Encik Ng Hon Soon	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Nota:

Encik Norman Ip Ka Cheung telah dilantik semula sebagai Pengarah Eksekutif dari 21 November 2014.

Ahli-ahli Lembaga adalah dari pelbagai latar belakang dan kelayakan, dan membawa pelbagai pengalaman kewangan dan komersial kepada Syarikat. Kepelbagaian pengalaman dan kecekapan para Pengarah meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Para Pengarah yang berkhidmat dalam Lembaga Jawatankuasa mempunyai campuran kemahiran dan keupayaan yang sewajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk Lembaga Pengarah bagi membolehkan mereka melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Setiap Pengarah telah diluluskan oleh BNM untuk pelantikan dan pelantikan semula (mengikut mana yang berkenaan) kepada Lembaga Pengarah Syarikat bagi tempoh tidak lebih daripada tiga tahun. Permohonan untuk perlantikan semula para Pengarah telah dihantar kepada BNM untuk kelulusan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum berakhirnya tempoh terma perlantikan oleh BNM, selaras dengan keperluan Garis Panduan BNM berkenaan "Piawaian Minima untuk Rangka Kecermatan Pentadbiran Korporat dalam Syarikat Insurans (Digabungkan)" (BNM/RH/GL 003-01).

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Ahli Lembaga (Samb.)

Artikel penubuhan Syarikat telah menyediakan untuk satu per tiga daripada pengarah selebihnya untuk bersara daripada perkhidmatan melalui giliran dan jika layak, akan dipilih semula pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat. Pengarah yang berusia 70 tahun ke atas tertakluk untuk perlantikan semula setiap tahun mengikut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965. Para Pengarah yang mana tempoh pelantikan mengikut BNM hampir tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan, tetapi diminta untuk bersara melalui giliran mengikut Seksyen 129(6) dan layak untuk dipilih/dilantik semula, pemilihan dan perlantikan tidak memerlukan kelulusan dari BNM dalam Mesyuarat Agung tersebut.

Setiap tahun, para Pengarah akan tertakluk kepada pengisytiharan dalaman bagi menyemak semula status pematuhan terhadap Seksyen 59, 60 dan 61 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 dalam memenuhi kriteria minimum "individu yang sihat dan wajar". Merujuk kepada "Dasar Sihat and Wajar bagi Individu Penting yang Bertanggungjawab" ("Dasar") yang telah diselaraskan dengan Garis Panduan BNM berkenaan "Panduan Sihat dan Wajar" (BNM/RH/GL 018-5), semua para Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO"), dan lain-lain di antaranya adalah dimaksudkan sebagai Individu Penting yang Bertanggungjawab. Individu-individu penting yang bertanggungjawab tersebut dikehendaki mengisytiharkan bahawa mereka adalah "sihat and wajar" sebelum atau pada perlantikan (apabila habis tempoh perlantikan BNM masing-masing) dan selepas itu pada setiap tahun.

Orientasi dan Latihan

Para Pengarah yang baru dilantik akan dimaklumkan tugas berkanun dan tanggungjawab mereka dan menerima Orientasi dan Program Pendidikan dalaman termasuk taklimat oleh Kumpulan Pengurusan Kanan. Secara berterusan, Syarikat menganjurkan kursus dalaman bagi para Pengarah untuk berkongsi pendapat tentang industri insurans hayat dan Syarikat, antara lain topik yang berkaitan dengan undang-undang baru, aktuari dan pelaburan. Syarikat menggalakkan pembangunan profesional berterusan untuk manfaat Pengarah dan Pengarah mengikuti perkembangan di pasaran melalui kehadiran program pendidikan berkaitan, seminar, ceramah mengenai bidang mata pelajaran berkenaan, serta edaran bahan bacaan perniagaan. ICLIF Kepimpinan dan Tadbir Urus Pusat adalah fleksibel dalam penawaran program mereka dan kebanyakan Pengarah mendapat manfaat daripada Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan. Mereka juga mengambil bahagian dalam ceramah anjuran Kepimpinan ICLIF dan Pusat Tadbir Urus dan FIDE Forum. Pengarah juga dikemaskinikan dengan segera isu-isu dasar, perubahan pentadbiran dan perkembangan peraturan baru sebagaimana yang sesuai. Syarikat telah menyediakan sumber bagi Pengarah untuk menerima pengetahuan di mana-mana kawasan tertentu.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Peranan Pengerusi dan CEO adalah berbeza dan berasingan, dengan pembahagian tanggungjawab yang jelas di antara kedua-dua pihak bagi memastikan keseimbangan kuasa yang sesuai, peningkatan kebertanggungjawaban dan kapasiti pihak Lembaga yang lebih besar bagi membuat keputusan secara bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif tidak berkaitan dengan satu sama lain.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (Samb.)

Tanggungjawab utama Pengerusi termasuk menerajui Lembaga bagi memastikan keberkesanannya dalam pelbagai aspek peranan Lembaga Pengarah, menetapkan garis panduan dan memantau kualiti dan ketepatan masa berkenaan dengan aliran maklumat daripada pihak pengurusan kepada Lembaga. Pengerusi, dengan bantuan Setiausaha Syarikat, memudahkan urusan memanggil mesyuarat lembaga. Tanggungjawab beliau juga termasuk menyediakan perbincangan dan penyampian yang teguh dalam mesyuarat Lembaga dan menggalakkan hubungan yang membina di antara para Pengarah, juga di antara pihak Lembaga dan Pengurusan. Beliau menggalakkan urus tadbir korporat berkualiti tinggi dengan sokongan penuh daripada para Pengarah, Setiausaha Syarikat dan Pengurusan.

CEO menguruskan Syarikat dan menyelia operasi perniagaan mengikut strategi, pelan dan polisi Kumpulan demi mencapai prestasi korporat dan matlamat kewangan, memastikan keberkesanan operasi dan organisasi, prestasi keuntungan dan pengurusan risiko yang berkesan.

Perlaksanaan terhadap keputusan pihak Lembaga adalah dijalankan dengan bantuan Pengurusan Kanan Syarikat. Secara keseluruhan, mereka bertanggungjawab terhadap operasi dan pentadbiran harian Syarikat.

Akses kepada Maklumat

Ahli lembaga diberi maklumat dan laporan yang berkenaan serta tepat pada masa, termasuk maklumat latar belakang berkenaan perkara yang diusulkan kepada pihak Lembaga, ramalan, penyata kewangan dalaman Syarikat dan penjelasan varians yang material di antara keputusan belanjawan dan keputusan sebenar. Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memberi maklumat tambahan, pandangan dan penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibincangkan. Para Pengarah mempunyai akses kepada Setiausaha dan Pengurusan Kanan Syarikat. Kadang-kadang, perunding luar diundang untuk memberi nasihat atau taklimat kepada Ahli Lembaga.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh kepada semua maklumat dalam Syarikat, sama ada sebagai lembaga penuh atau dalam kapasiti individu mereka, bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada Pengarah berikut:

Encik Lee Kong Yip - Pengerusi
Encik Norman Ip Ka Cheung
Yg Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit
Encik Ng Hon Soon

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Jawatankuasa Pencalonan (Samb.)

Ahli Jawatankuasa Pencalonan memiliki gabungan kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian serta berkelayakan dengan sewajarnya untuk menjalankan tanggungjawab mereka.

Dengan pengesahan pihak Lembaga, Jawatankuasa Pencalonan menetapkan keperluan minima bagi pihak Lembaga dan CEO untuk menjalankan tugas dengan berkesan berdasarkan keperluan berkanun dan kawal selia.

Jawatankuasa Pencalonan telah dipertanggungjawabkan untuk mencadangkan calon baru bagi pelantikan Lembaga untuk memastikan pencalonan Pengarah baru dilakukan mengikut kepentingan Syarikat dan pemegang saham. Ia menilai kepadanan calon-calon baru dengan mengambil kira kelayakan profesional, integriti, pengalaman kewangan dan perniagaan komersial serta bidang kepakaran bersesuaian dengan Syarikat, potensi untuk melengkap kemahiran, pengetahuan dan kepakaran pihak Lembaga.

Jawatankuasa Pencalonan mengesyorkan kepada Lembaga tentang semua pencalonan para Pengarah serta pencalonan untuk mengisi Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa Pencalonan turut mengesyorkan pelantikan semula dan pemilihan semula Lembaga Pengarah. Untuk pelantikan semula dan pemilihan semula, Jawatankuasa Pencalonan mengambil kira kehadiran dan pengambilan bahagian para Pengarah dalam mesyuarat, kepakaran dan komitmen serta sumbangan terhadap perbincangan Lembaga dan kepada keberkesanan Lembaga.

Selain daripada pencalonan/perlantikan para Pengarah baru atau perlantikan semula Pengarah sedia ada, Jawatankuasa Pencalonan juga bertanggungjawab mencadangkan pencalonan bagi jawatan CEO dan Pegawai Kanan Utama ("PKU") Syarikat.

Prosedur bagi pencalonan dan pelantikan tersebut termasuk pelantikan semula telah disediakan dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Ia telah disediakan selaras dengan keperluan kawal selia dan perundangan.

Setiap tahun, Jawatankuasa Pencalonan meneliti struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta mengusulkan sebarang perubahan yang dianggap perlu kepada pihak Lembaga.

Jawatankuasa Pencalonan telah menyediakan mekanisme bagi menjalankan proses yang diluluskan oleh pihak Lembaga untuk menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan serta Jawatankuasa Lembaga, dan membentangkan keputusannya kepada pihak Lembaga. Profil Lembaga akan dikaji secara tahunan dengan mempertimbangkan keperluan semasa dan aspirasi Syarikat. Tiada Pengarah terlibat dalam penilaian sumbangannya sendiri terhadap keberkesanan Lembaga.

Jika berkenaan dan seiring dengan Rangka Kerja yang dinyatakan, cadangan Jawatankuasa Pencalonan mengenai CEO dan PKU akan dibuat selepas berunding dengan input daripada Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan juga bertanggungjawab untuk memastikan semua individu penting yang bertanggungjawab memenuhi kelayakan sihat dan yang sesuai, selaras dengan Dasar.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Jawatankuasa Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan terdiri daripada Pengarah berikut:

Encik Lee Kong Yip - Pengerusi
Encik Norman Ip Ka Cheung
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit

Rangka Kerja Imbuhan untuk Pengarah, CEO dan PKU telah disediakan seperti yang diluluskan pihak Lembaga. Jawatankuasa Imbuhan bertanggungjawab meneliti dan membuat usul kepada pihak Lembaga berkenaan pakej imbuhan Pengarah, CEO dan PKU. Ini adalah memastikan Syarikat kekal berdaya saing dari segi pampasan dan mampu menarik dan mengekalkan kaliber yang diperlukan untuk menguruskan Syarikat dengan jayanya, dan pada masa yang sama memuaskan bahawa pakej pampasan adalah konsisten dengan pengurusan berhemat hal ehwal Syarikat.

Pengarah Bukan Eksekutif menerima yuran Pengarah yang telah dicadangkan oleh Lembaga untuk diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.

Jl menilai yuran Pengarah secara tahunan dan membuat cadangan kepada pihak Lembaga untuk sebarang perubahan. Tiada Pengarah terlibat dalam menentukan imbuhan untuk diri sendiri.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada Pengarah berikut:

Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit – Pengerusi
Encik Norman Ip Ka Cheung
Yg Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib
Encik Lee Kong Yip

Ahli Jawatankuasa Audit berkelayakan dengan sepatutnya bagi menjalankan tanggungjawab seperti diuraikan dalam Rangka Kerja. Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga untuk menyiasat sebarang aktiviti yang tertakluk dan dibantu oleh, serta mempunyai akses penuh dan bebas terhadap Pengurusan Kanan Syarikat dan Juruaudit Dalaman. Untuk menjalankan tanggungjawab, Jawatankuasa Audit telah berjumpa sekurang-kurangnya sekali setahun dengan juruaudit dalaman dan juruaudit luaran tanpa dihadiri oleh pihak pengurusan. Jawatankuasa Audit mempunyai sumber yang secukupnya untuk membolehkan ia menjalankan peranan dan tanggungjawab. Fungsi audit dalaman adalah untuk memberi jaminan bebas berkenaan dengan ketetapan, kewibawaan, pematuhan dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman Syarikat yang diaudit. Ketua Juruaudit Dalaman melaporkan perihal fungsinya kepada Jawatankuasa Audit dan Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan manakala perihal pentadbiran di laporkan kepada CEO.

Jawatankuasa Audit telah menjalankan fungsi-fungsi seperti seperti yang dinyatakan di dalam Akta Syarikat 1965, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Garis Panduan BNM dan lain-lain garis panduan serta undang-undang berkanun yang berkenaan.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Jawatankuasa Audit (Samb.)

Fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit termasuk perkara berikut:-

- (a) Meneliti bagi juruaudit dalaman –
 - (i) pelan audit, penilaian terhadap sistem pengawalan perakaunan dalaman, keputusan audit dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap keputusan tersebut;
 - (ii) skop dan keputusan prosedur audit dalaman dan sumber yang diperlukan; dan
 - (iii) bantuan yang diberikan oleh pegawai Syarikat kepada juruaudit dalaman.
- (b) Meneliti bagi juruaudit luaran –
 - (i) pelan audit sebelum permulaan audit tahunan;
 - (ii) penyata kewangan interim Syarikat dan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit, seterusnya menyerahkan penyata kewangan yang telah diaudit kepada pihak Lembaga bagi pertimbangan dan kelulusan;
 - (iii) skop dan keputusan prosedur audit, keberkesanan kos, kebebasan dan objektif mengambil kira faktor-faktor termasuk jenis dan tahap perkhidmatan bukan audit yang disediakan oleh mereka (jika ada);
 - (iv) implikasi dan kesan dalam pembaharuan atau perubahan yang dicadangkan dalam standard laporan kewangan, dasar-dasar perakaunan dan keperluan undang-undang ke atas penyata kewangan bersama-sama dengan Pasukan Pengurusan Kanan;
 - (v) apa-apa isu-isu laporan kewangan yang penting, untuk memastikan integriti penyata kewangan Syarikat; dan
 - (vi) bantuan yang diberi oleh pegawai Syarikat termasuk juruaudit dalaman kepada juruaudit luaran.
- (c) Mengkaji dan menilai, bagi pihak Lembaga Pengarah, kecukupan sistem kawalan dalaman termasuk kawalan perakaunan, mengambil input daripada juruaudit luaran, juruaudit dalaman, pengurusan risiko dan fungsi pematuhan.
- (d) Menjalinkan hubungan yang bersesuaian dengan juruaudit luaran dan juruaudit dalaman dan bertemu sekurang-kurangnya setiap tahun dengan pihak Pengurusan, juruaudit luaran dan juruaudit dalaman dalam sesi berasingan, untuk mempertimbangkan apa-apa perkara lain yang boleh dibangkitkan secara peribadi.
- (e) Meneliti dan meluluskan di antaranya, perlantikan, ganjaran dan penilaian prestasi Ketua Juruaudit Dalaman.
- (f) Membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan semula juruaudit luar dan yuran audit dan terma pelantikan.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Jawatankuasa Risiko Lembaga

Jawatankuasa Risiko Lembaga terdiri daripada Pengarah berikut:

Encik Lee Kong Yip - Pengerusi
Yg Bhg Dato' Yeoh Beow Tit
Yg Bhg Datuk Kamaruddin bin Taib

Jawatankuasa Risiko Lembaga menyokong pihak Lembaga dalam penyeliaan pengurusan risiko keseluruhan Syarikat dan dalam memastikan proses pengurusan risiko dan amalan adalah berfungsi dengan berkesan. Jawatankuasa Risiko Lembaga bertanggungjawab bagi perkara berikut:

Urus Tadbir & Pengawasan

- (a) Untuk mengkaji keseluruhan falsafah pengurusan risiko, sejajar dengan keseluruhan strategi korporat dan ketelusan risiko yang ditetapkan dan diluluskan oleh pihak Lembaga;
- (b) Untuk mengkaji dan mengesahkan rangka kerja, dasar, strategi dan had berkaitan dengan pengurusan risiko, pengurusan pelaburan, pengurusan aset-liabiliti dan pengurusan liabiliti bagi kelulusan pihak Lembaga;
- (c) Untuk mengesahkan Piagam Pengurusan Risiko Kumpulan menggariskan prinsip-prinsip asasi, peranan, tanggungjawab, dan talian pelaporan bagi tugas Pengurusan Risiko dan Pematuhan bagi penerimaan pakai pihak Lembaga;
- (d) Untuk mengkaji perlantikan, penilaian prestasi tahunan dan ganjaran Ketua Pengurusan Risiko, sebelum menghantar kepada Jawatankuasa Pencalonan/Jawatankuasa Imbuhan untuk pengesahan serta kelulusan pihak Lembaga;
- (e) Untuk mengkaji dan mengesyorkan tahap toleransi risiko (Penyata Kesanggupan Menghadapi Risiko dan Had Pengawalseliaan) bagi kelulusan pihak Lembaga;
- (f) Untuk menyelia penubuhan dan pelaksanaan rangka kerja, dasar, strategi dan had yang diluluskan; dan di mana perlu, untuk meluluskan pelencongan daripada rangka kerja dan dasar yang telah diluluskan;
- (g) Untuk mengkaji kecukupan amalan pengurusan risiko bagi risiko material, seperti risiko pasaran, kredit, mudah tunai, insurans, operasi, teknologi, pengawalseliaan dan pematuhan atas dasar kerap;
- (h) Untuk mengkaji rangka kerja, dasar dan strategi Pengurusan yang mentadbir proses bagi mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko serta mengkaji prestasi Pengurusan berdasarkan rangka kerja, dasar dan strategi tersebut;
- (i) Untuk mengkaji kecukupan rangka kerja, dasar, strategi dan sumber bagi prestasi kegiatan pengurusan risiko, pengurusan pelaburan, pengurusan aset-liabiliti dan pengurusan liabiliti;
- (j) Untuk memulakan sebarang kajian dan tindakan sebagaimana sesuai bagi pengurusan risiko berhemat;

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN A. TANGGUNGJAWAB DAN SELIAAN LEMBAGA (SAMB.)

Jawatankuasa Risiko Lembaga (Samb.)

Urus Tadbir & Pengawasan (Samb.)

- (k) Untuk memastikan agar fungsi pengurusan risiko mempunyai infrastruktur dan sumber yang mencukupi; dan ia dianggotai oleh kakitangan berpengalaman dan berkelayakan dan mempunyai kebebasan secukupnya untuk melaksanakan tugas mereka secara objektif;
- (l) Untuk mengkaji skop, keberkesanan dan objektiviti fungsi pengurusan risiko.

Pengurusan risiko

- (m) Untuk mengkaji laporan untuk mengawasi dan mengawal pendedahan risiko Syarikat, termasuk Papan Pemuka Risiko Organisasi;
- (n) Untuk mengkaji dan mengesahkan Pendedahan Risiko tahunan bagi kelulusan Lembaga.

Pengurusan Pelaburan, Aset-liabiliti & Liabiliti

- (o) Untuk mengkaji dan mengesahkan, peruntukan aset strategik tahunan dan had peruntukan aset taktikal bagi kelulusan Lembaga;
- (p) Untuk mengkaji semula dan menyokong pendedahan risiko baru termasuk risiko produk insurans baru, kelas aset baru, instrumen/struktur kompleks dan urus niaga pelaburan dalam Dasar Had untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- (q) mengkaji semula aset dan portfolio dalam senarai pantau; dan
- (r) menyemak laporan untuk memantau dan mengawal pendedahan risiko kewangan Syarikat, termasuk Papan Pemuka Pelaburan.

BAHAGIAN B. KEBERTANGGUNGJAWABAN PENGURUSAN

Lembaga bertanggungjawab bagi menubuhkan rangka kerja dan dasar-dasar yang sesuai dalam mana Syarikat sepatutnya beroperasi, di mana pihak pengurusan adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan dasar-dasar tersebut dan bertanggungjawab untuk menyiapkan objektif strategik Syarikat. Kesemua rangka kerja/dasar-dasar/piagam-piagam termasuk Grid Kuasa, dinilai oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga dan diluluskan oleh Lembaga.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN B. KEBERTANGGUNGJAWABAN PENGURUSAN (SAMB.)

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas di antara jawatan pengurusan atasan. Syarikat mempunyai struktur organisasi yang berdokumen lengkap dan mempunyai penerangan kerja had kuasa yang jelas di antara pengurusan kanan, pengurusan jaluran dan pekerja eksekutif. Perubahan ketara terhadap struktur organisasi akan dimaklumkan kepada kakitangan.

Grid Kuasa Syarikat yang pada dasarnya adalah kemuncak kepada pelbagai had kuasa yang diwakilkan kepada Lembaga serta Ketua Pegawai Eksekutif, telah pun dilaksanakan dan dimaklumkan kepada kakitangan yang berkenaan. Grid tersebut meliputi strategi dan perkembangan perniagaan termasuk keperluan modal dan alat pelaburan, orang, risiko, derma-derma, pelantikan perunding dan perkara operasi seperti pengurusan kunci kira-kira, kelulusan urus niaga dan penghapusan kira.

Pengarah dan pegawai tertentu Syarikat telah mematuhi keperluan pendedahan dan mengelakkan percanggahan kepentingan seperti yang termaktub dalam Akta Syarikat 1965 dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Semua tender, aktiviti pelaburan dan urus niaga dengan pihak berkaitan dijalankan dengan berasaskan selengan dan berdasarkan terma komersil dan dalam perjalanan biasa perniagaan.

Semua polisi berkaitan pengunderaitan, tuntutan, insurans semula dan komunikasi korporat diluluskan oleh Lembaga dan dikaji dengan sewajarnya bagi mengikut perkembangan semasa.

BAHAGIAN C. KEBEBASAN KORPORAT

Syarikat telah memenuhi keperluan garis panduan BNM berkenaan dengan "Urusniaga Pihak Berkaitan" (BNM/RH/GL 018-6) bagi urus niaga dengan pihak berkaitan yang material. Syarikat telah melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas urus niaga pihak berkaitan yang meliputi definisi pihak-pihak berkaitan, had digunakan, dari segi urus niaga, dan pihak berkuasa dan prosedur untuk meluluskan dan memantau urus niaga tersebut. Semua urus niaga dengan pihak berkaitan yang material telah didedahkan dalam penyata kewangan yang telah diaudit menurut MFRS 124; sila rujuk Nota 31 dalam penyata kewangan Syarikat. Pihak Lembaga telah menetapkan keperluan yang lebih ketat bahawa semua urus niaga dengan pihak berkaitan tanpa mengambil kira sama ada material atau tidak, perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Audit untuk penelitian sebelum mendapatkan kelulusan/notasi pihak Lembaga.

BAHAGIAN D. KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Pihak Lembaga mempunyai tanggungjawab untuk mengawal selia secara keseluruhan bagi memastikan Syarikat mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mencukupi dan Syarikat mempunyai operasi, pengurusan risiko dan kawalan dalaman, serta prosedur bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, garis panduan dan keperluan dalaman yang berkesan dan cekap untuk mengawal keselamatan aset syarikat serta kepentingan ahli.

Berhubung dengan pembahagian tugas, prosedur telah disediakan bagi memastikan kakitangan tidak diberi tanggungjawab yang mungkin menimbulkan konflik, yang berkaitan dengan kelulusan, pembayaran dan polisi pentadbiran, premium atau hal pelaburan.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN D. KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO OPERASI (SAMB.)

Had pelaburan yang telah mempertimbangkan had menurut Garis Panduan BNM mengenai "Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Modal Berdasarkan Risiko bagi Syarikat Insurans" (BNM/RH/GL 003-24) adalah sedia ada untuk mengandungi pendedahan pelaburan Syarikat. Di samping itu, urusan niaga pelaburan dikawal oleh keperluan yang dinyatakan dalam Grid Berkuasa. Had pelaburan dan urusan niaga akan diperhatikan pada setiap masa oleh Jabatan Pelaburan dan dipantau secara bebas oleh Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan.

Strategi Pengurusan Insurans Semula ("RMS") bagi risiko insurans yang dilindungi Syarikat telah disediakan. RMS mentakrifkan tanggungjawab pihak Lembaga/Pengurusan dalam menguruskan dan menjalankan operasi program insurans semula. Penyerahan risiko mesti mematuhi rangka kerja Syarikat yang telah diluluskan dan pengecualian daripada Syarikat Induk syarikat diperlukan untuk pelanggaran had limit.

Semua produk baru insurans hayat adalah ditadbir oleh Polisi Harga Produk Insurans Hayat. Semua produk yang dilancarkan Syarikat memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Pengurusan dan Kumpulan Pengurusan Syarikat Induk. Semua produk baru insurans hayat yang dilancarkan pada 2014 telah diperakui oleh Aktuari yang Dilantik. Penilaian risiko produk juga membentuk sebahagian daripada proses bagi kelulusan produk baru, termasuk pertimbangan ke atas risiko berkaitan dengan peletakan harga, pelaburan, pemasaran dan sokongan bagi produk. Jawatankuasa Risiko Lembaga diberitahu mengenai produk-produk baru pada setiap suku tahun.

Jabatan Aktuari, bersama dengan Jabatan Pelaburan dan Jabatan Pengurusan Risiko, menjalankan ujian tekanan setiap setengah tahun bagi menentukan kedudukan kewangan Syarikat di bawah pelbagai senario risiko.

Para Pengarah, CEO dan Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat komited untuk mengekalkan budaya prihatin terhadap risiko Syarikat. Syarikat telah menerima pakai Rangka Kerja Pengurusan Risiko syarikat induknya dan rangka kerja pengurusan risiko tambahan yang lain, dan rangka kerja ini menyediakan prinsip panduan menyeluruh dan piawaian minima ke atas pengurusan risiko. Rangka Kerja tersebut mengesahkan peranan dan tanggungjawab pengurusan risiko dan menubuhkan keperluan pemantauan dan laporan yang disasarkan untuk menumpukan amalan pengurusan risiko yang baik serta budaya dalam perniagaan selain memastikan Syarikat terus mengembangkan perniagaan dengan disiplin, amalan dan proses pengurusan risiko yang betul seperti yang disediakan. Syarikat juga telah menubuhkan Polisi Keselamatan Maklumat untuk melindungi kesulitan, integriti dan ketersediaan data Syarikat.

Matrix Pematuhan dan Keperluan Pematuhan Penilaian Diri adalah alat untuk membantu setiap Ketua Jabatan dalam menjalankan penilaian diri terhadap keberkesanan pematuhan prosedur dan mengenal pasti jurang pematuhan. Risiko dan proses Penilaian Kawalan Diri yang sedia ada membolehkan pelbagai fungsi untuk mengenal pasti dan menilai pengurusan risiko dan keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Di samping itu, Syarikat telah menubuhkan satu kenyataan selera risiko, yang disemak setiap tahun.

Pendedahan polisi pengurusan risiko Syarikat dinyatakan di bawah Nota 33 dalam penyata kewangan Syarikat.

Syarikat telah mendorong strategi perniagaan "Lean Six Sigma" yang menjajarkan amalan terbaik untuk variasi dan pengurangan pembaziran dalam proses.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN D. KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO OPERASI (SAMB.)

Syarikat telah melaksanakan amalan Pengurusan Penerusan Perniagaan dengan kemudahan yang cukup untuk menyambung perniagaan. Ujian Pemulihan Bencana dijalankan dua kali setahun dan ujian Penerusan Perniagaan pula dijalankan setahun sekali.

Juruaudit Dalaman

Syarikat mempunyai Jabatan Juruaudit Dalaman, yang membantu Jawatankuasa Audit melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Keperluan Garis Panduan BNM berkenaan "Fungsi Juruaudit Dalaman Institusi Kewangan" (BNM/RH/GL 013-4) telah dipenuhi. Jawatankuasa Audit meneliti pelan tahunan audit dalaman dan laporan audit serta tindakan susulan ke atas pemerhatian audit yang dijalankan oleh juruaudit dalaman.

Penilaian berterusan bagi kawalan dalaman yang berkesan dan mencukupi, termasuk pemeriksaan kawalan bebas oleh fungsi audit dalaman, memastikan langkah pembetulan, jika perlu, dijalankan pada masa yang wajar. Semua laporan audit dihantar kepada Jawatankuasa Audit, CEO dan Pengurusan bagi unit yang diaudit dalam masa satu bulan setelah kerja lapangan disiapkan. Keputusan dan cadangan audit diberitahu kepada Pengurusan Kanan dan diawasi sehingga semua keputusan audit telah diberi tindakan susulan dan diselesaikan. Aktiviti Jawatankuasa Audit dihantar secara tahunan kepada BNM.

BAHAGIAN E. KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM

Syarikat mengiktiraf bahawa ia bertanggungjawab untuk mengekalkan kebertanggungjawaban awam yang kukuh dan menggalakkan amalan saksama. Langkah-langkah dan operasi polisi telah disediakan untuk mematuhi Peruntukan Berkaitan Polisi di bawah Seksyen 84 dan 128 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (dan juga Jadual 8).

Syarikat telah menerima pakai Kod Etika dan Kelakuan dan juga dasar-dasar dalaman lain yang menetapkan prinsip panduan dan piawaian minimum yang dijangka daripada pekerjaannya seperti piawaian etika dan integriti profesional yang tertinggi. Kod Etika dan Kelakuan juga memberi panduan mengenai bidang-bidang seperti kedudukan Syarikat dalam konflik kepentingan dan pendedahan yang sesuai dibuat, penyalahgunaan kedudukan, penyalahgunaan maklumat, mengekalkan kesempurnaan, ketepatan dan kerahsiaan maklumat, dan layanan yang adil dan saksama kepada semua pemegang polisi dan pihak berkepentingan yang lain. Kod Etika dan Kelakuan boleh didapati pada kakitangan intranet Syarikat.

Ahli-ahli dalam lapangan kerja juga perlu patuh kepada pekeliling-pekeliling dan arahan-arahan dalam bentuk Undang-undang dan Peraturan Ajen-agen yang dikeluarkan oleh Syarikat, Kod Etika dan Perlakuan yang dikeluarkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia ("PIHM") dan juga pekeliling dari BNM.

Syarikat telah melancarkan Live Great Space di lobi Menara Great Eastern untuk memberi peluang kepada masyarakat setempat, termasuk kakitangan, ejen, pemegang polisi dan orang awam, untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kesihatan dan kesejahteraan.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN E. KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM (SAMB.)

Untuk kemudahan masyarakat awam dan pemegang-pemegang polisi, maklumat tentang Syarikat, produk, servis pelanggan dan Asuhan Kanak-kanak (salah satu inisiatif sosial korporat Syarikat) boleh didapati dari laman web Syarikat iaitu www.greatasteernlife.com.my. Laman web yang mudah dioperasikan tersebut membolehkan pemegang-pemegang polisi menyemak status polisi mereka melalui eConnect, iaitu akses bertalian yang berguna dan bermaklumat terhadap pemegang polisi yang membolehkan mereka tetap berhubung dengan Syarikat pada bila-bila masa.

Bagi memastikan masyarakat awam menyedari tindakan yang boleh dilakukan terhadap amalan atau keputusan Syarikat, jika perlu, langkah seperti memasukkan pendedahan bertulis dalam kontrak polisi yang menyediakan maklumat berkaitan Biro Pengantaraan Kewangan dan Biro Perkhidmatan Pelanggan BNM. Ia seiring dengan keperluan dalam Garis Panduan BNM berkenaan "Amalan Penyelesaian Tuntuan" (BNM/RH/GL 000-4). Syarikat telah melaksanakan Polisi Melayan Pelanggan Dengan Adil dengan mentakrifkan tanggungjawab Lembaga dan Pengurusan dalam memastikan pelanggan dilayan dengan adil apabila berurusan dengan Syarikat.

Garis panduan BNM mengenai "Amalan Tidak Saksama dalam Perniagaan Insurans" (BNM/RH/GL 003-6) dikeluarkan sebagai usaha berterusan untuk menggalakkan kualiti ketelusan yang lebih tinggi, profesionalisme, disiplin pasaran dan kebertanggungjawaban yang lebih besar semasa menjalankan perniagaan insurans hayat serta melindungi pemilik polisi. Syarikat telah melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan keperluan pematuhan seperti dinyatakan dalam BNM/RH/GL 003-6. Sebagai sebahagian daripada komitmen bagi menyediakan servis yang berkesan dan cekal, Unit Pengendalian Aduan telah ditubuhkan menurut Garis Panduan BNM mengenai "Pengendalian Aduan" (BNM/RH/GL 000-4), di mana unit tersebut bertindak sebagai satu cara perhubungan untuk pengaduan pelanggan-pelanggan serta memastikan pengaduan akan diselesaikan dengan saksama dan konsisten.

Semua ilustrasi jualan, bahan pemasaran dan kontrak polisi mematuhi keperluan BNM dan difailkan dengan

Syarikat menyediakan Rangka Kerja Anti Wang Haram dan Rangka Kerja Pembiayaan Balas Keganasan ("AWH/PBK") untuk memastikan undang-undang negara berkaitan dengan AWP/PBK, pengawalan dan garis panduan dipatuhi, Syarikat sentiasa memantapkan penilaian AWP/PBK, fokus kepada perkara berkaitan dengan Memahami Pelanggan Anda/Usaha Wajar Pelanggan ("MPA/UWP") semasa berada dalam peringkat penerimaan perniagaan baru. Piawaian MPA/UWP dan proses yang teguh merupakan satu halangan dalam melindungi kepentingan Syarikat dengan mengurangkan risiko Syarikat daripada dipergunakan sebagai satu saluran bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan wang haram atau pembiayaan keganasan.

Polisi Memberi Maklumat juga telah dilaksanakan untuk membolehkan pekerja dan orang luar untuk menyatakan kebimbangan atau melaporkan sebarang ketidakteraturan dalam hal-hal laporan kewangan dan lain-lain. Kebimbangan yang dinyatakan tanpa memberitahu nama akan dipertimbangkan dan disiasat atas dasar merit mereka.

BAHAGIAN F. LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk menyelia dan menjalankan langkah-langkah yang wajar secara keseluruhan bagi memastikan rekod perakaunan Syarikat disimpan dengan baik. Ia juga memastikan penyata kewangan disediakan dan diaudit mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan mematuhi keperluan peraturan dan berkanun di Malaysia supaya menggambarkan keadaan kewangan Syarikat yang sebenar dan saksama.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

BAHAGIAN F. LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit diberi maklumat komprehensif tetap dan pengkajian tentang laporan kewangan bersama-sama dengan penjelasan bagi apa-apa perbezaan yang ketara pada data kewangan Syarikat.

Laporan prestasi perniagaan dan operasi dihantar kepada Kumpulan Pengurusan Kanan secara bulanan untuk penelitian supaya tindakan pemulihan boleh diambil terhadap sebarang kekurangan atau perbezaan terhadap bajet. Minit mesyuarat jawatankuasa seliaan pelbagai risiko dibentangkan kepada Lembaga Jawatankuasa Risiko dan Jawatankuasa Aset-Liabiliti dengan sewajarnya. Lembaga juga mengambil nota sebarang keputusan dan perkara penting yang diteliti oleh Lembaga atau Jawatankuasa Pengurusan melalui minit mesyuarat yang telah dibentangkan kepada pihak Lembaga.

Ringkasan penyata kewangan Syarikat disiarkan dalam surat khabar nasional dan salinan juga dipaparkan di semua pejabat cawangan dan diposkan dalam laman web Syarikat.

Selaras dengan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") pada 1 April 2015, Syarikat telah mendaftar perniagaannya dengan Kastam Diraja Malaysia. Dengan penyertaan aktif oleh semua unit operasi Syarikat, sistem dan proses Syarikat telah dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan GST.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan Malaysia) - 93745-A

PENYATA DARIPADA PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Yeoh Beow Tit dan Koh Yaw Hui, sebagai dua daripada Para Pengarah bagi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad, dengan ini menyatakan pendapat Pengarah-pengarah bahawa, penyata kewangan yang dilampirkan seperti pada muka surat 26 hingga 142 telah disediakan menurut Standard Laporan Kewangan di Malaysia, Standard Laporan Kewangan Internasional dan keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia bagi menggambarkan keadaan kewangan Syarikat yang sebenar dan saksama seperti pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para Pengarah bertarikh 30 Januari 2015.

Yeoh Beow Tit

Koh Yaw Hui

AKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Ong Eng Siew Raymond, sebagai pegawai yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dinyatakan pada muka surat 26 hingga 142 adalah betul pada pendapat saya dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan penuh mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diisytiharkan dan sesungguhnya diakui
oleh penama di atas, Ong Eng Siew
Raymond di Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur pada 30 Januari 2015

Ong Eng Siew Raymond

Yang benar,

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan Malaysia) - 93745-A

LAPORAN PARA JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI
GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan pada penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad, yang merangkumi lembaran imbangan pada 31 Disember 2014, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 26 sehingga 142.

Tanggungjawab Pengarah ke atas penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, dan kawalan dalaman seperti yang Pengarah merasakan perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan ataupun kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, dan termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunahsabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan Malaysia) - 93745-A

LAPORAN PARA JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI
GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (SAMB.)
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai keperluan perundangan dan badan pengawasan lain

Mengikut keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan dibawah Akta oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Hal-hal Lain

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

Brandon Bruce Sta Maria
No. 2937/09/15(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
30 Januari 2015

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Aset			
Hartanah dan kelengkapan	3	446,998	455,101
Pelaburan hartanah	4	546,616	532,100
Bayaran pra-bayar tanah sewaan	5	16,804	16,942
Pelaburan	6	64,826,279	61,525,569
Aset insurans semula	7	108,941	82,381
Penghutang insurans	8	265,040	266,116
Lain-lain penghutang	9	627,526	548,861
Tunai dan baki di bank		19,037	38,283
Jumlah aset		<u>66,857,241</u>	<u>63,465,353</u>
Ekuiti			
Modal saham	10	100,000	100,000
Pendapatan tertahan		1,467,774	1,294,996
Rizab sedia untuk dijual		5,261	35,835
Jumlah ekuiti		<u>1,573,035</u>	<u>1,430,831</u>
Liabiliti			
Liabiliti kontrak insurans	11	62,758,551	59,648,004
Derivatif	12	166,039	131,498
Ganjaran pesaraan ejen	13	714,036	670,930
Cukai liabiliti tertunda	14	561,470	634,989
Lain-lain liabiliti kewangan	15	171,565	122,019
Pemiutang insurans	16	204,475	176,828
Cukai belum bayar		130,201	79,130
Lain-lain pemiutang	17	577,869	571,124
Jumlah liabiliti		<u>65,284,206</u>	<u>62,034,522</u>
Jumlah ekuiti dan liabiliti		<u>66,857,241</u>	<u>63,465,353</u>

Nota iringan adalah bahagian asasi penyata kewangan ini.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Premium kasar	18(a)	6,779,362	6,495,615
Premium diserahkan kepada penanggung insurans semula	18(b)	(123,626)	(117,282)
Premium bersih		<u>6,655,736</u>	<u>6,378,333</u>
Pendapatan pelaburan	19	2,701,460	2,586,341
Untung dan rugi direalisasi	20	236,141	275,873
Untung dan rugi pada nilai saksama	21	206,763	(1,073,647)
(Peningkatan)/Penurunan dalam peruntukan kemerosotan nilai:			
Penghutang insurans	8	(2,456)	(164)
Lain-lain penghutang	9	(17)	89
Pendapatan yuran dan komisen	22	21,933	5,965
Lain-lain hasil operasi		10,749	5,094
Lain-lain hasil		<u>3,174,573</u>	<u>1,799,551</u>
Manfaat dan tuntutan kasar dibayar	23(a)	(4,607,899)	(4,442,636)
Tuntutan diserahkan kepada penanggung insurans semula	23(b)	87,722	75,920
Perubahan kasar liabiliti kontrak insurans	23(c)	(2,931,916)	(1,582,826)
Perubahan liabiliti kontrak insurans diserahkan kepada penanggung insurans semula	23(d)	7,294	(5,945)
Manfaat dan tuntutan bersih		<u>(7,444,799)</u>	<u>(5,955,487)</u>
Perbelanjaan yuran dan komisen		(912,857)	(884,629)
Perbelanjaan pengurusan	24	(422,571)	(413,414)
Perbelanjaan operasi lain		(39)	(299)
Cukai perniagaan insurans hayat	25(a)	(210,621)	(107,561)
Lain-lain perbelanjaan		<u>(1,546,088)</u>	<u>(1,405,903)</u>
Untung sebelum cukai		839,422	816,494
Cukai	25(b)	(176,744)	(174,378)
Keuntungan bersih bagi tahun		<u>662,678</u>	<u>642,116</u>
Perolehan setiap saham (sen)			
Asas dan yang dicairkan	26	663	642

Nota iringan adalah bahagian asasi penyata kewangan ini.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014	2013
	RM'000	RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun	662,678	642,116
Lain-lain pendapatan komprehensif:		
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif yang akan diklasifikasikan ke penyata pendapatan pada masa hadapan:		
Rizab sedia untuk dijual pada nilai saksama		
(Kerugian)/Keuntungan bersih bagi tahun	(15,415)	25,196
Keuntungan bersih direalisasikan dipindah ke penyata pendapatan	(25,329)	(35,621)
	<u>(40,744)</u>	<u>(10,425)</u>
Kesan cukai (Nota 14)	10,170	2,594
	<u>(30,574)</u>	<u>(7,831)</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	<u>632,104</u>	<u>634,285</u>

Nota iringan adalah bahagian asasi penyata kewangan ini.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Modal Saham	Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan			Jumlah Ekuiti	
	Rizab Sedia-Untuk-Dijual			Pendapatan Tertahan				
	Dana Tiada Sertaan	Dana Pemegang Saham	Sub-Jumlah	Dana Tiada Sertaan	Dana Pemegang Saham	Sub-Jumlah Pendapatan Tertahan		
RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000		
Pada 1 Januari 2013	100,000	26,109	17,557	43,666	322,657	849,223	1,171,880	1,315,546
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	457,404	184,712	642,116	642,116
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun	-	(498)	(7,333)	(7,831)	-	-	-	(7,831)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	(498)	(7,333)	(7,831)	457,404	184,712	642,116	634,285
Pindahan daripada kelebihan tiada sertaan seperti yang disyorkan oleh Aktuari Dilantik (bersih daripada cukai)	-	-	-	-	(394,500)	394,500	-	-
Dividen dibayar bagi tahun (Nota 27)	-	-	-	-	-	(519,000)	(519,000)	(519,000)
Pada 31 Disember 2013	100,000	25,611	10,224	35,835	385,561	909,435	1,294,996	1,430,831
Pada 1 Januari 2014	100,000	25,611	10,224	35,835	385,561	909,435	1,294,996	1,430,831
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	462,493	200,185	662,678	662,678
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun	-	(16,913)	(13,661)	(30,574)	-	-	-	(30,574)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	(16,913)	(13,661)	(30,574)	462,493	200,185	662,678	632,104
Pindahan daripada kelebihan tiada sertaan seperti yang disyorkan oleh Aktuari Dilantik (bersih daripada cukai)	-	-	-	-	(445,500)	445,500	-	-
Dividen dibayar bagi tahun (Nota 27)	-	-	-	-	-	(489,900)	(489,900)	(489,900)
Pada 31 Disember 2014	100,000	8,698	(3,437)	5,261	402,554	1,065,220	1,467,774	1,573,035

Nota iringan adalah bahagian asasi penyata kewangan ini.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Aktiviti Operasi			
Tunai digunakan untuk aktiviti operasi	28	(1,169,409)	(1,669,576)
Dividen/pendapatan agihan diterima		546,123	508,978
Pendapatan faedah/untung diterima		2,091,531	1,979,951
Pendapatan sewa atas pelaburan hartanah diterima		65,573	78,368
Ganjaran persaraan ejen dibayar		(36,987)	(16,619)
Cukai dibayar		(321,603)	(399,006)
Tunai bersih yang terjana daripada aktiviti operasi		<u>1,175,228</u>	<u>482,096</u>
Aktiviti Pelaburan			
Hasil daripada jualan hartanah dan kelengkapan		167	21
Belian hartanah dan kelengkapan	3	(42,551)	(36,842)
Belian pelaburan hartanah	4	(72)	(2,022)
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan		<u>(42,456)</u>	<u>(38,843)</u>
Aktiviti Pembiayaan			
Dividen dibayar kepada pemegang ekuiti		(489,886)	(518,794)
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan		<u>(489,886)</u>	<u>(518,794)</u>
Penambahan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan tunai setara		642,886	(75,541)
Tunai dan tunai setara pada awal tahun		1,658,773	1,734,314
Tunai dan tunai setara pada akhir tahun		<u>2,301,659</u>	<u>1,658,773</u>
Tunai dan tunai setara terdiri daripada:			
Tunai dan baki bank		19,037	38,283
Deposit jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 3 bulan	6(a)	2,282,622	1,620,490
		<u>2,301,659</u>	<u>1,658,773</u>

Nota iringan adalah bahagian asasi ringkasan penyata kewangan ini.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2014

1. INFORMASI KORPORAT

Syarikat merupakan syarikat awam berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat adalah beralamat di Tingkat 20, Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Syarikat ialah pengunderaitan bagi perniagaan insurans hayat dan dana berkaitan pelaburan.

Tiada sebarang perubahan ketara terhadap aktiviti utama Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Syarikat induk ialah Great Eastern Capital (Malaysia) Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Syarikat induk pertengahan ialah The Great Eastern Life Assurance Company Limited, sebuah syarikat yang diperbadankan di Republik Singapura. Syarikat induk muktamad ialah Oversea-Chinese Banking Corporation Limited ("OCBC Bank"), sebuah syarikat awam yang disenaraikan dan diperbadankan di Republik Singapura.

Penyata kewangan dibenarkan bagi penerbitan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Pengarah-Pengarah pada 30 Januari 2015.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

2.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Syarikat telah menerima pakai semua Pertukaran terhadap MFRS dan Intepretasi Jawatankuasa Isu ("IC") sejak permulaan tahun kewangan semasa seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3.

Penyata kewangan Syarikat disediakan berdasarkan kos sejarah, kecuali jika dinyatakan dalam polisi perakaunan yang berikut.

Syarikat telah memenuhi keperluan modal minimum sebagaimana ditetapkan oleh Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko pada tarikh lembaran imbangan.

Aset dan liabiliti kewangan telah diofset dan jumlah bersih dilaporkan dalam lembara imbangan hanya apabila terdapat hak yang sah untuk mengofset jumlah yang diiktiraf dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau untuk merealisasikan aset and menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak diofset dalam penyata pendapatan kecuali dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, seperti dinyatakan dalam polisi perakaunan.

Penyata kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai telah dibundarkan pada nilai ribu yang hampir (RM'000) kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Hartanah dan Kelengkapan serta Susut nilai

Hartanah dan kelengkapan dinyatakan pada kos yang ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian akibat kemerosotan nilai. Kos asal bagi hartanah dan kelengkapan merangkumi harga belian, termasuk cukai yang tidak dikembalikan dan sebarang kos untuk meningkatkan keupayaan fungsi aset seperti diinginkan.

Setelah hartanah dan kelengkapan telah beroperasi, perbelanjaan yang ditanggung seperti kos baik pulih, penjagaan dan penukaran akan dicaj pada Penyata Pendapatan semasa tempoh kos tersebut ditanggung. Apabila perbelanjaan mengakibatkan peningkatan faedah ekonomi masa hadapan yang melebihi standard asal sesuatu aset dan kelengkapan, perbelanjaan tersebut akan dijadikan modal sebagai kos tambahan bagi hartanah dan kelengkapan.

Susut nilai hartanah dan kelengkapan dinyatakan mengikut kaedah garis-lurus bagi melupuskan kos setiap jumlah baki terhadap jangkaan hayat yang berguna. Susut nilai tidak disediakan bagi tanah pegangan bebas dan kerja pembangunan yang sedang dijalankan. Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

Bangunan-Hartanah Pemilik	2 %
Kenderaan bermotor	20 %
Mesin pejabat	6 - 20 %
Kelengkapan pejabat & perabot	10 %
Peralatan komputer dan perisian	10 - 33 %

Bangunan yang disewakan mengalami susut nilai ke atas jangkaan tempoh hayat berguna atau baki tempoh sewa tanah bangunan tersebut, sekiranya tempoh sewa bagi tanah sewaan adalah pendek dari jangkaan tempoh hayat bangunan.

Kos perisian ditanggung untuk pembangunan perisian untuk sistem pentadbiran jaminan hayat dan sistem pengurusan saluran agihan. Kos tersebut diklasifikasikan sebagai hartanah dan kelengkapan serta disusut nilai pada kadar garis lurus dalam tempoh 10 tahun dari tarikh digunakan.

Nilai baki, tempoh penggunaan dan kaedah susut nilai disemak bagi setiap tahun kewangan berakhir untuk memastikan jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten seperti jangkaan yang sebelumnya dan jangkaan penggunaan manfaat ekonomi pada masa depan merangkumi hartanah, pelan dan kelengkapan.

Hartanah dan kelengkapan akan hilang taraf apabila dilupuskan atau tidak lagi mendatangkan manfaat secara ekonomi bagi penggunaan atau pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian hasil yang diperoleh daripada hilang taraf aset akan dimasukkan dalam Penyata Pendapatan pada tahun aset tersebut hilang taraf.

Termasuk dalam hartanah dan kelengkapan Dana Hayat adalah tanah pegangan bebas, sewaan dan bangunan pegangan bebas yang digunakan sendiri bagi operasi Syarikat. Tanah sewaan diklasifikasikan sebagai bayaran sewa pra-bayar seperti yang diterangkan dalam Nota 2.2(c).

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(b) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau kenaikan nilai modal atau kedua-duanya. Pada awalnya, hartanah tersebut dikira pada kos, termasuk kos urus niaga. Lanjutan kepada pengiktirafan awal, pelaburan hartanah dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama diperoleh dengan merujuk kepada bukti urus niaga pasaran bagi hartanah yang serupa dan dijalankan oleh penilai bebas berdaftar yang mempunyai kelayakan profesional yang sewajarnya dan berpengalaman dengan lokasi serta kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan atau kerugian yang didapati daripada perubahan dalam nilai saksama pelaburan hartanah termasuk dalam Penyata Pendapatan bagi tahun ia berlaku.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf apabila ia telah dilupuskan atau pelaburan hartanah ditarik balik sepenuhnya daripada digunakan dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan yang dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian ke atas pemberhentian atau pelupusan pelaburan hartanah dinyatakan dalam Penyata Pendapatan bagi tahun ia berlaku.

(c) Sewaan

(i) Pengelasan

Sewaan dikenali sebagai sewaan kewangan sekiranya kebanyakan risiko dan ganjaran dipindahkan kepada Syarikat yang berkaitan pemilikan. Sewaan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai sewaan operasi atau kewangan sama seperti sewaan bagi aset lain, di mana elemen bagi sewaan tanah dan bangunan adalah dikira berasingan dari tujuan klasifikasi sewaan. Semua sewaan yang tidak memindahkan kebanyakan risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai sewaan operasi.

(ii) Sewaan Kewangan - Syarikat sebagai Penyewa

Jangka hayat kegunaan bangunan sewaan adalah lebih pendek dari tempoh sewaan bagi tanah sewaan bangunan tersebut. Justeru, semua risiko dan ganjaran yang berkaitan pemilikan aset dianggap dipindahkan kepada Syarikat pada akhir tempoh jangka hayat kegunaan. Semua bangunan sewaan dikelaskan sebagai sewaan kewangan dalam penyata kewangan.

Bangunan yang dipegang di bawah sewaan kewangan dikenali sebagai aset dalam Lembaran Imbangan Syarikat dan tertakluk dengan MFRS 116 - Hartanah, Loji dan Kelengkapan dan MFRS 140 - Pelaburan Hartanah.

Polisi susut nilai bagi aset sewaan adalah mengikut susut nilai hartanah, loji dan kelengkapan seperti yang dijelaskan dalam Nota 2.2(a) dan pelaburan hartanah seperti yang dijelaskan dalam Nota 2.2(b).

(iii) Operasi Sewaan - Syarikat sebagai Penyewa

Bayaran sewa operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus ke atas tempoh sewaan yang berkaitan.

Bayaran sewa minimum atau bayaran pendahuluan, akan dibuat, jika perlu, di antara elemen tanah dan bangunan yang berkadaran dengan faedah sewaan tanah dan bangunan yang disewa pada permulaan sewaan. Bayaran pendahuluan menunjukkan pra bayaran sewa dan dilunaskan dalam tempoh sewaan. Bayaran sewaan jangka panjang yang dibayar dahulu merujuk kepada sewaan tanpa tamat tempoh selama lima puluh tahun atau lebih.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(c) Sewaan (Samb.)

(iv) Operasi Sewaan - Syarikat sebagai Pemberi Sewa

Aset disewa sebagai sewaan operasi dibentangkan di dalam Lembaga Imbangan mengikut jenis aset tersebut. Pendapatan sewa daripada sewaan operasi diiktiraf berasaskan garis lurus sepanjang tempoh sewaan berkenaan (Nota 2.2(o)). Kos langsung awal yang ditanggung di waktu perundingan dan penyusunan sewaan operasi akan dicampur dengan nilai bawa aset sewaan dan diiktiraf berdasarkan garis lurus pada tempoh sewa.

(d) Aset Pelaburan dan Kewangan

Syarikat mengklasifikasi pelaburan kepada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung dan rugi ("FVTPL"), pinjaman dan penghutang ("LAR") dan aset kewangan sedia-dijual ("AFS"). Klasifikasi bergantung kepada tujuan pelaburan tersebut diperolehi.

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai FVTPL apabila strategi pelaburan syarikat yang didokumentasikan adalah untuk mengurus aset kewangan pada asas nilai saksama kerana liabiliti yang berkaitan juga diurus atas asas yang sama.

Kategori AFS digunakan apabila liabiliti yang berkaitan (termasuk Dana Pemegang Saham) diurus secara pasif dan atau dibawa pada kos terlunas. Pembelian dan penjualan aset kewangan diakui pada tarikh dagangan iaitu tarikh Syarikat komited untuk membeli atau menjual aset tersebut. Cara biasa pembelian atau penjualan aset kewangan memerlukan aset diserahkan dalam tempoh umum yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

(i) FVTPL

Aset yang dinyatakan pada FVTPL adalah termasuk aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga dan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal. Lazimnya pelaburan yang dibeli dengan tujuan untuk dijual kembali pada masa terdekat dikelaskan sebagai FVTPL.

Bagi pelaburan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal, kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- penetapan akan menyingkirkan atau mengurangkan keadaan tidak tetap seperti salah padan aset liabiliti yang terjadi akibat pengukuran aset atau liabiliti atau menyatakan keuntungan atau kerugian atas dasar yang berbeza, atau
- aset dan liabiliti merupakan sebahagian daripada kelompok aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya yang diuruskan dan prestasi dinilai berdasarkan nilai saksama mengikut pengurusan risiko atau strategi pelaburan yang didokumentasikan.

Aset kewangan yang dikelaskan sebagai FVTPL adalah termasuk sekuriti pendapatan tetap, derivatif dan derivatif terbenam.

Pelaburan di bawah unit berkait pelaburan ditetapkan sebagai FVTPL semasa permulaan memandangkan ia diurus dan dinilai berdasarkan nilai saksama mengikut strategi pelaburan dan mandat masing-masing.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(d) Aset Pelaburan dan Kewangan (Samb.)

(i) FVTPL (Samb.)

Derivatif adalah instrumen kewangan atau kontrak yang mana nilainya berubah mengikut perubahan kadar faedah, kadar tukaran matawang asing, sebaran kredit atau pembolehubah lain. Derivatif terbenam adalah instrumen kewangan hibrid yang termasuk kontrak utama bukan-derivatif.

Pelaburan ini pada awalnya direkodkan pada nilai saksama. Lanjutan kepada penyataan awal, pelaburan ini dikira semula pada nilai saksama. Penyesuaian nilai saksama dan keuntungan serta kerugian yang direalisasi dinyatakan dalam penyata pendapatan.

(ii) LAR

LAR merupakan aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran yang tetap atau yang ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif.

Pelaburan ini awalnya dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama bagi pertimbangan yang dibayar untuk perolehan pelaburan. Semua kos urus niaga yang menyumbang terus kepada perolehan adalah termasuk dalam kos pelaburan.

Selepas pengukuran awal, pinjaman dan penghutang diukur pada kos yang dilunaskan, menggunakan kadar hasil efektif, ditolak peruntukan bagi kemerosotan nilai. Keuntungan dan kerugian dinyatakan dalam penyata pendapatan apabila pelaburan dinyahiktiraf atau merosot, serta proses pelunasan.

(iii) AFS

AFS adalah aset kewangan bukan derivatif yang tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori aset lain.

Selepas pengenalpastian awal AFS diukur semula pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian akibat perubahan nilai saksama aset kewangan dikenal pasti dalam rizab nilai saksama dalam Penyata Pendapatan Komprehensif atau Liabiliti Kontrak Insurans (untuk Dana Sertaan sahaja), kecuali kemerosotan nilai, keuntungan atau kerugian dari kadar tukaran matawang asing untuk instrumen berbentuk wang serta faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif yang dikenal pasti dalam Penyata Pendapatan. Keuntungan atau kerugian kumulatif yang dikenal pasti sebelumnya dalam ekuiti akan dikenal pasti dalam Penyata Pendapatan apabila aset kewangan dinyahiktiraf.

(e) Penghutang Insurans

Penghutang insurans diiktiraf apabila menjadi mula tertunggak. Ia diukur pada pengiktirafan awal pada nilai saksama diterima atau boleh diterima. Selepas pengiktirafan awal, penghutang insurans diukur pada kos dilunas, dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Nilai dibawa penghutang insurans disemak bagi sebarang kemerosotan nilai apabila peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula, dengan kerugian kemerosotan diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan proses yang sama diguna pakai untuk aset kewangan yang dibawa pada penulasan kos sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2(i). Penghutang insurans tidak lagi diiktiraf apabila kriteria penyahiktirafan bagi aset kewangan, sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 (j) telah dipenuhi.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(f) Derivatif

Syarikat menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan mata wang untuk melindungi nilai risiko mata wang asingnya. Instrumen kewangan derivatif tersebut pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeteraikan dan seterusnya diukur semula pada nilai saksama. Semua derivatif dinyatakan sebagai aset kewangan apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti kewangan apabila nilai saksama adalah negatif.

(g) Liabiliti Kewangan dan Pemiutang Insurans

Liabiliti kewangan dan pemiutang insurans masing-masing merangkumi dalam skop MFRS 139 dan MFRS 4 diiktiraf dalam lembaran imbalan apabila Syarikat menjadi pihak kepada obligasi berkontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung dan rugi atau lain-lain liabiliti kewangan.

(i) Liabiliti kewangan dibawa pada FVTPL

Liabiliti kewangan dibawa pada FVTPL adalah termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk urusanniaga dan liabiliti kewangan ditetapkan pada awalnya sebagai FVTPL.

Liabiliti kewangan dipegang untuk urusanniaga termasuk derivatif yang diambil oleh Syarikat yang tidak memenuhi kriteria perakaunan perlindungan nilai. Derivatif liabiliti pada awalnya dinilai pada nilai saksama dan seterusnya dinyatakan dengan nilai saksama, di mana apa-apa keuntungan dan kerugian terhasil dinyatakan dalam penyata pendapatan. Untung atau rugi bersih terhadap derivatif adalah termasuk perbezaan dalam pertukaran.

Syarikat tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung dan rugi.

(ii) Lain-lain liabiliti kewangan

Lain-lain liabiliti kewangan diiktiraf apabila perlu dibayar dan dinilai pada awalnya dengan nilai saksama daripada belian diterima dan kos urusanniaga berkaitan secara langsung. Selepas pengiktirafan pada awalnya, ia dinilai pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah hasil efektif.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi daripada liabiliti telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Keuntungan atau kerugian dikenal pasti dalam penyata pendapatan.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(h) Pengukuran Nilai Saksama

Syarikat mengukur instrumen kewangan, seperti, derivatif, dan aset bukan kewangan seperti pelaburan hartanah, pada nilai saksama pada setiap tarikh lembaranimbangan. Selain itu, nilai-nilai saksama instrumen kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan dinyatakan dalam Nota 6(a).

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti

Pasaran utama atau pasaran atau pasaran yang paling menguntungkan mesti boleh diakses oleh Syarikat.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian yang peserta pasaran akan gunakan apabila meletakkan harga aset atau liabiliti, dengan anggapan bahawa peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset pada penggunaan tertinggi dan terbaik atau dengan menjual kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset pada penggunaan tertinggi dan terbaik.

Syarikat menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input relevan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan sebagai berikut, berdasarkan input aras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 - Harga pasaran yang disebut harga (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau abiliti yang serupa
- Aras 2 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung boleh diperhatikan termasuk sebut harga daripada broker dan pembuat pasaran, aliran tunai terdiskaun, dan teknik penilaian lain yang biasa digunakan oleh peserta pasaran.
- Aras 3 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama tidak dapat diperhatikan.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(h) Pengukuran Nilai Saksama (Samb.)

Bagi aset-aset dan liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Syarikat menentukan sama ada pemindahan berlaku antara Aras dalam hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input aras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh laporan.

Penilai luar dilibatkan untuk penilaian aset penting, seperti hartanah. Penglibatan penilai luar diputuskan secara tahunan oleh Jabatan Hartanah. Kriteria pemilihan termasuk pengetahuan pasaran, reputasi, kebebasan dan sama ada standard profesional dikekalkan. Penilaian dilakukan pada setiap tahun.

Pada setiap tarikh laporan, Jabatan Kewangan dan Harta akan menganalisis pergerakan dalam aset-aset dan liabiliti yang perlu diukur atau dinilai semula seiring dengan polisi perakaunan Syarikat.

Jabatan Harta dan penilai luar Syarikat juga membandingkan perubahan dalam nilai saksama setiap harta dengan sumber luar yang relevan untuk menentukan sama ada perubahan tersebut adalah berpatutan.

Keputusan penilaian yang dilakukan oleh penilai luar Syarikat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada tahun penilaian dilakukan.

Untuk tujuan pendedahan nilai saksama, Syarikat telah menentukan kelas aset dan liabiliti atas dasar sifat, ciri-ciri dan risiko aset atau liabiliti dan aras hierarki nilai saksama seperti yang dijelaskan di atas.

(i) Kemosrotan Nilai Aset Kewangan

Syarikat menilai pada setiap tarikh lembaran imbalan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan telah merosot.

Bukti yang jelas bahawa aset kewangan telah merosot adalah melalui data yang boleh diperhatikan berkaitan dengan kerugian seperti masalah kewangan yang dihadapi penerbit atau pihak berwajib, perubahan ketara dalam persekitaran perniagaan di mana penerbit atau pihak berwajib menjalankan operasi dan kehilangan daripada pasaran aktif bagi aset kewangan tersebut akibat masalah kewangan yang menunjukkan terdapat penurunan yang boleh dikira dalam aliran tunai pada masa depan. Namun, ia mungkin mustahil untuk mengenal pasti keadaan tunggal dan berasingan yang menyebabkan kemosrotan. Walaubagaimanapun, kesan gabungan daripada beberapa keadaan boleh diambil kira dalam menentukan sama ada sesuatu aset itu merosot.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(i) Kemosrotan Nilai Aset Kewangan (Samb.)

Aset yang Dibawa pada Pelunasan Kos

Jika terdapat bukti yang jelas bahawa kemosrotan kerugian ke atas aset yang dibawa pada pelunasan kos telah terjadi, amaun kemosrotan dikira sebagai perbezaan di antara nilai bawa aset dan nilai semasa dari jangkaan aliran tunai pada masa depan berdiskaun pada kadar/hasil faedah efektif asal aset kewangan. Nilai bawa aset dikurangkan dan kerugian direkodkan dalam Penyata Pendapatan.

Jika dalam tempoh selanjutnya, amaun kemosrotan kerugian menurun dan penurunan boleh dikaitkan dengan jelas dengan keadaan yang berlaku selepas kemosrotan dikenal pasti, kemosrotan kerugian yang dikenal pasti sebelumnya dianjak ke belakang sehingga amaun yang dibawa tidak melebihi nilai pelunasannya pada tarikh anjakan. Amaun kerugian dinyatakan dalam Penyata Pendapatan.

Aset yang Dibawa pada Kos

Jika terdapat bukti yang jelas bahawa kemosrotan kerugian ke atas aset kewangan yang dibawa pada kos telah berlaku, amaun yang dibawa untuk aset tersebut akan dinyatakan pada nilai yang boleh dipulih. Kemosrotan kerugian tersebut tidak akan dianjak dalam tempoh selanjutnya.

Aset Kewangan AFS

Jika aset kewangan AFS telah merosot, suatu amaun yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (kos bersih dan sebarang pembayaran semula pokok dan pelunasan) dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kemosrotan kerugian yang dikenal pasti sebelumnya dalam Penyata Pendapatan dipindahkan dari Lain-lain Pendapatan Komprehensif kepada Penyata Pendapatan. Anjakan bagi kemosrotan ekuiti tidak akan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan. Anjakan kerugian kemosrotan ke atas instrumen hutang yang dikelaskan sebagai AFS akan dianjak melalui Penyata Pendapatan jika peningkatan nilai saksama bagi instrumen adalah jelas berkaitan dengan keadaan yang berlaku selepas kemosrotan nilai telah dikenal pasti dalam Penyata Pendapatan.

Semasa menilai kemosrotan instrumen ekuiti, sebagai tambahan kepada pemerhatian data berkenaan kerugian, Syarikat mempertimbangkan sama ada terdapat penurunan nilai saksama instrumen ekuiti yang ketara atau berlarutan dan sama ada kos pelaburan dalam pelaburan ekuiti boleh dipulihkan. Jika terdapat bukti bahawa kos pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak boleh dipulihkan, kemosrotan kerugian berlaku.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(j) Aset dan Liabiliti Kewangan yang Dinyahiktiraf

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila:

- Hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat.
- Syarikat mengekalkan hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset namun telah menganggap kewajipan untuk membayar sepenuhnya tanpa penangguhan yang material kepada pihak ketiga.
- Syarikat telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset dan sama ada (a) telah memindahkan semua risiko dan ganjaran aset atau (b) tidak memindahkan mahu pun mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan terhadap aset.

Apabila Syarikat telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset tetapi tidak memindahkan mahu pun mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset mahupun memindahkan kawalan terhadap aset, aset tersebut dikenal pasti sehingga Syarikat terus terlibat dengan aset. Penglibatan berterusan berbentuk jaminan terhadap aset yang dipindahkan diukur pada amaun lebih rendah antara amaun bawaan asal dan amaun pertimbangan maksimum yang perlu dibayar oleh Syarikat.

Bagi penglibatan berterusan dalam bentuk bertulis dan/atau pilihan pembelian ke atas aset yang dipindahkan, tahap penglibatan berterusan oleh Syarikat adalah amaun aset yang dipindahkan yang mungkin dibeli oleh Syarikat, melainkan dalam kes pilihan bertulis ke atas aset dinilai pada nilai saksama, pada tahap penglibatan berterusan Syarikat terhadap kepada nilai saksama yang lebih rendah bagi aset yang dipindahkan dan pilihan harga pelaksanaan.

Aset kewangan yang tidak diiktiraf secara keseluruhan, perbezaan di antara amaun yang dibawa dan jumlah (a) pertimbangan yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang anggaran liabiliti baru) dan (b) sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah dikenal pasti secara terus daripada ekuiti sekarang dinyatakan dalam Penyata Pendapatan.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti ini telah dilepaskan, dibatalkan atau ditamatkan.

Jika liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti lain daripada pemberi pinjaman yang sama namun dengan syarat yang berbeza, atau syarat bagi liabiliti sedia ada telah diubah suai, perubahan atau pengubahsuaian tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru. Perbezaan di dalam amaun yang dibawa akan diiktiraf dalam dalam penyata pendapatan.

(k) Kemosrotan Aset Bukan Kewangan

Amaun aset yang dibawa diteliti pada setiap tarikh lembaran imbangan untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk kemosrotan. Kemosrotan dikira dengan membandingkan nilai yang dibawa dengan amaun yang boleh diperolehi semula. Amaun yang boleh diperolehi semula adalah amaun lebih tinggi antara nilai bersih yang boleh direalisasi dan nilai berguna, yang dikira dengan merujuk kepada aliran tunai berdiskaun. Amaun yang boleh diperolehi dijangka bagi aset individu, atau jika mustahil, bagi unit yang menghasilkan tunai.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(k) Kemososotan Aset Bukan Kewangan (Samb.)

Kemososotan kerugian dinyatakan dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh ia berlaku. Peningkatan lanjutan dalam amaun aset yang boleh diperolehi semula dianggap sebagai anjakan kemososotan kerugian sebelumnya dan dinyatakan sehingga amaun aset yang dibawa telah ditentukan (nilai bersih pelunasan dan susut nilai) sebagai tidak mempunyai kemososotan kerugian. Anjakan kemososotan kerugian dinyatakan dalam Penyata Pendapatan, melainkan aset dibawa pada nilai yang dinilai semula yang mana anjakan tersebut dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

(l) Kontrak Insurans

(i) Klasifikasi Produk

Kontrak insurans adalah kontrak tertentu yang memindahkan risiko insurans ketara. Kontrak insurans adalah kontrak yang mana Syarikat (pemberi insurans) telah menerima risiko insurans ketara daripada pihak yang lain (pemegang polisi) dengan bersetuju untuk memberi pampasan kepada pemegang polisi sekiranya peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dinyatakan (peristiwa diinsuranskan) menjejaskan pemegang polisi. Sebagai garis panduan am, Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans ketara, dengan membandingkan manfaat dibayar dengan manfaat perlu dibayar sekiranya peristiwa diinsuranskan tidak berlaku.

Kontrak pelaburan adalah kontrak tertentu yang memindahkan risiko kewangan ketara. Risiko kewangan adalah risiko perubahan masa hadapan yang mungkin berlaku dalam satu atau lebih kadar faedah dinyatakan, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar pertukaran asing, indeks harga atau kadar, penarafan kredit atau indeks kredit atau pembolehubah yang lain, di mana pembolehubah bukan kewangan adalah pembolehubah bukan khusus kepada sesebuah pihak untuk kontrak tersebut.

Sebaik sahaja kontrak telah dikelaskan sebagai kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans bagi bahagian selebihnya dalam jangka masa hayatnya, walaupun risiko insurans berkurangan dengan ketara dalam tempoh ini, melainkan semua hak dan obligasi dihapuskan atau luput. Walau bagaimanapun, kontrak pelaburan, boleh dikelaskan semula sebagai kontrak insurans selepas permulaan apabila risiko insurans menjadi ketara.

Kontrak insurans dan pelaburan dikelaskan selanjutnya sebagai sama ada dengan atau tanpa ciri-ciri penyertaan mengikut budi bicara ("DPF"). DPF adalah hak kontrak untuk menerima, sebagai tambahan kepada manfaat dijamin, manfaat tambahan yang:

- (i) berkemungkinan menjadi bahagian ketara daripada manfaat kontrak keseluruhan;
- (ii) jumlah atau masa adalah secara kontrak mengikut budi bicara pengeluaran;
- (iii) secara kontraknya berdasarkan:
 - prestasi kumpulan kontrak dinyatakan atau jenis kontrak dinyatakan;
 - pulangan pelaburan direalisasi dan/atau tidak direalisasi ke atas kumpulan aset tertentu yang dipegang oleh pengeluaran; atau
 - keuntungan atau kerugian syarikat, dana atau lain-lain entiti yang mengeluarkan kontrak.

Lebih dalam dana DPF boleh diagihkan berasaskan lebih kurang 90/10 selaras dengan Garis Panduan BNM mengenai Pengurusan Dana Insurans, kepada pemegang polisi dan pemegang saham. Syarikat mempunyai budi bicara ke atas jumlah dan masa pengagihan lebih ini kepada pemegang polisi. Semua liabiliti DPF, termasuk lebih tidak diperuntukkan, kedua-dua dijamin dan mengikut budi bicara, pada akhir tempoh pelaporan dipegang dalam liabiliti kontrak insurans atau pelaburan, sebagaimana sesuai.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(I) Kontrak Insurans (Samb.)

(i) Klasifikasi Produk (Samb.)

Bagi pilihan dan jaminan kewangan yang tidak berkait rapat dengan kontrak insurans utama dan/atau kontrak pelaburan dengan DPF, pendwicabangan diperlukan bagi mengukur derivatif terbenam ini secara berasingan pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan. Walau bagaimanapun, pendwicabangan tidak diperlukan sekiranya derivatif terbenam itu sendiri adalah kontrak insurans dan/atau kontrak pelaburan dengan DPF, atau sekiranya kontrak insurans utama dan/atau kontrak pelaburan itu sendiri diukur pada FVTPL.

Bagi tujuan pengkelasan produk, Syarikat menerima pakai manfaat polisi maksimum sebagai proksi bagi risiko insurans dan nilai serahan tunai sebagai proksi bagi nilai boleh direalisasikan kontrak insurans atas serahan. Syarikat mentakrifkan risiko insurans sebagai ketara apabila nisbah risiko insurans ke atas komponen deposit adalah tidak kurang daripada 105% komponen deposit pada bila-bila masa kontrak insurans berkuat kuasa. Berdasarkan definisi ini, semua kontrak polisi dikeluarkan oleh Syarikat dianggap sebagai kontrak insurans pada tarikh Lembaran Imbangan.

(ii) Jenis-jenis Kontrak Insurans

Liabiliti kontrak insurans dikelaskan kepada komponen utama seperti berikut:

a) Liabiliti kontrak dana insurans hayat yang terdiri daripada :-

- Liabiliti kontrak dana sertaan
- Liabiliti kontrak dana tiada sertaan
- Liabiliti kontrak dana insuran berkait pelaburan

b) Kontrak Insurans Semula

(iii) Liabiliti Kontrak Insurans Dana Hayat

Kontrak insurans diiktiraf dan diukur selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans masing-masing dan adalah berdasarkan garis panduan berperaturan. Premium, tuntutan dan bayaran manfaat, pengambilalihan dan pengurusan perbelanjaan dan penilaian bayaran manfaat polisi masa hadapan atau rizab premium mengikut keadaan, adalah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dana masing-masing.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(I) Kontrak Insurans (Samb.)

(iii) Liabiliti Kontrak Dana Insurans Hayat (Samb.)

Liabiliti insurans hayat diiktiraf apabila kontrak ditandatangani dan premium dicaj. Liabiliti ditentukan sebagai jumlah nilai semasa bayaran masa hadapan yang dijamin dan, dalam hal polisi hayat sertaan, tahap sesuai manfaat tidak dijamin dan perbelanjaan pengurusan dan pengagihan masa hadapan dijangka, tolak nilai semasa balasan kasar masa hadapan timbul daripada polisi didiskaunkan pada kadar diskaun risiko yang sesuai. Liabiliti adalah berdasarkan andaian anggaran terbaik dan dengan pertimbangan sewajarnya kepada pengalaman terkini yang ketara. Peruntukan sesuai bagi penyediaan margin risiko bagi pelencongan kurang baik daripada pengalaman dijangka dibuat dalam penilaian polisi hayat bukan sertaan, liabiliti manfaat dijamin polisi hayat sertaan, dan liabiliti bukan unit daripada polisi berkait dengan pelaburan.

Liabiliti berhubung dengan polisi kontrak insurans sertaan diambil sebagai liabiliti manfaat dijamin atau jumlah liabiliti manfaat yang mana lebih tinggi pada tahap dana diperolehi sebagaimana dinyatakan di atas.

Dalam hal polisi hayat di mana sebahagian daripada, atau keseluruhan premium dikumpulkan dalam dana, jumlah terkumpul, sebagaimana diisytiharkan kepada pemegang polisi, ditetapkan sebagai liabiliti sekiranya jumlah terkumpul adalah lebih tinggi daripada jumlah sebagaimana dikira dengan menggunakan kaedah penilaian premium kasar.

Dalam hal polisi hayat jangka pendek meliputi kontigensi selain daripada kematian atau kehidupan, liabiliti bagi kontrak insurans hayat sedemikian terdiri daripada peruntukan bagi premium tidak terperoleh dan risiko tidak luput, serta juga bagi tuntutan belum dijelas, yang termasuk anggaran tuntutan ditanggung yang masih belum dilaporkan kepada Syarikat.

Pelarasan kepada liabiliti pada setiap tarikh pelaporan direkodkan dalam Penyata Pendapatan. Keuntungan berasal daripada margin pelencongan kurang baik ke atas kontrak hampir tamat, diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sepanjang hayat kontrak, manakala kerugian diiktiraf sepenuhnya dalam Penyata Pendapatan dalam tahun pertama hampir tamat. Liabiliti tidak lagi diiktiraf apabila kontrak luput, dilepaskan atau dibatalkan.

Syarikat mengeluarkan pelbagai kontrak insurans jangka pendek dan jangka panjang yang memindahkan risiko daripada pemegang polisi kepada Syarikat untuk melindungi pemegang polisi daripada akibat peristiwa diinsuranskan seperti kematian, hilang upaya, kesakitan, kemalangan, termasuk kehidupan. Kontrak ini boleh memindahkan kedua-dua risiko insurans dan pelaburan atau risiko insurans semata-mata, daripada pemegang polisi kepada Syarikat.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(I) Kontrak Insurans (Samb.)

(iii) Liabiliti Kontrak Dana Insurans Hayat (Samb.)

Bagi kontrak polisi bukan sertaan, kedua-dua risiko insurans dan pelaburan dipindahkan daripada pemegang polisi kepada Syarikat. Bagi kontrak polisi bukan sertaan selain daripada kontrak polisi insurans perubatan, pembayaran kepada pemegang polisi apabila berlakunya peristiwa diinsuranskan ditentukan terlebih dahulu dan pemindahan risiko adalah mutlak. Bagi kontrak polisi insurans perubatan, pembayaran adalah bergantung pada kos perubatan sebenar yang ditanggung apabila berlakunya peristiwa diinsuranskan.

Kontrak yang memindahkan risiko insurans ketara sahaja daripada pemegang polisi kepada Syarikat pada kebiasaannya dikenali sebagai polisi berkait dengan pelaburan. Sebagai sebahagian daripada perletakan harga bagi kontrak ini, Syarikat memasukkan caj dan yuran tertentu untuk meliputi perbelanjaan dan risiko diinsuranskan. Pulangan pelaburan bersih diperolehi daripada pelbagai dana pelaburan sebagaimana dipilih oleh pemegang polisi terakru secara langsung kepada pemegang polisi.

Bahagian ketara kontrak insurans yang dikeluarkan oleh Syarikat mengandungi ciri-ciri sertaan mengikut budi bicara. Kontrak ini dikelaskan sebagai polisi sertaan. Selain daripada manfaat dijamin perlu dibayar selepas berlakunya peristiwa yang diinsuranskan berkaitan dengan hayat manusia seperti kematian atau hilang upaya, kontrak memberi hak kepada pemegang polisi untuk menerima manfaat yang mungkin berubah-ubah mengikut prestasi pelaburan dana. Syarikat tidak mengiktiraf bahagian dijamin secara berasingan daripada ciri sertaan mengikut budi bicara.

Penilaian liabiliti kontrak insurans ditentukan mengikut Rangka Kerja Modal Berdasarkan Risiko BNM ("RBC") bagi Syarikat Insurans dan MFRS 4 (Kontrak Insurans). Rangka Kerja RBC bagi Syarikat Insurans yang dikeluarkan oleh BNM adalah memenuhi keperluan Ujian Kecukupan Liabiliti di bawah MFRS 4.

Syarikat melaksanakan ujian kecukupan liabiliti ke atas liabiliti insurans hayat bagi memastikan agar amaun dibawa peruntukan adalah mencukupi untuk menampung anggaran aliran tunai masa hadapan. Apabila melaksanakan ujian kecukupan liabiliti, Syarikat mendiskaunkan semua aliran tunai kontrak dan membandingkan jumlah ini terhadap nilai dibawa liabiliti. Sebarang kekurangan dicaj kepada Penyata Pendapatan.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(m) Kontrak Insurans Semula

Syarikat mengesid risiko insurans yang biasa dalam perniagaan insurans hayat. Aset insuran semula mewakili baki tertunggak daripada syarikat insuran semula. Jumlah ini dianggarkan dalam cara yang konsisten dengan peruntukan tuntutan belum dijelas atau jumlah diselesaikan berkaitan dengan kontrak insuran semula.

Aset insuran semula disemak bagi kerosotan pada setiap tarikh pelaporan atau dengan lebih kerap apabila petunjuk kerosotan timbul dalam tahun kewangan. Kerosotan berlaku apabila terdapat bukti objektif berpunca daripada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset insuran semula yang Syarikat mungkin tidak terima sebahagian atau semua jumlah belum dijelas yang tertunggak di bawah terma-terma kontrak.

Pengaturan insuran semula disid tidak melepaskan Syarikat daripada obligasinya kepada pemegang polisi. Premium dan tuntutan dikemukakan atas dasar kasar bagi kedua-dua insuran semula disid dan diambil alih. Aset atau liabiliti insurans semula tidak lagi diiktiraf apabila hak kontrak dihapuskan atau luput.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(n) Hasil Pengunderaitan Insurans Hayat

Lebihan yang boleh dipindahkan dari Dana Hayat kepada Penyata Pendapatan adalah berdasarkan lebihan yang ditentukan dengan penilaian aktuari tahunan bagi liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi.

(i) Pendapatan Premium Kasar

Premium diiktiraf sebaik sahaja amaun premium boleh dikira. Premium tahun pertama dinyatakan dari tarikh kemasukan dan premium selanjutnya diiktiraf apabila ia perlu dibayar. Bagi perniagaan premium tunggal, pendapatan diiktiraf atas tarikh polisi berkuat kuasa. Premium daripada perniagaan berkaitan pelaburan diiktiraf sebagai pendapatan apabila pembayaran diterima.

Pada akhir tahun kewangan, semua premium yang perlu dibayar diambil kira sehingga setakat mana ia boleh dikira. Premium yang tidak diterima pada tarikh ia perlu dibayar diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan dan dilaporkan sebagai tunggakan premium dalam lembaranimbangan.

(ii) Premium Insuran Semula

Premium insuran semula kasar diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila perlu dibayar atau pada tarikh apabila polisi berkuat kuasa.

(iii) Terbitan Unit

Terbitan unit bersih yang mewakili premium yang dibayar oleh pemegang polisi sebagai bayaran untuk kontrak baru atau bayaran sejurusnya untuk menambahkan jumlah nilai kontrak tersebut, dinyatakan dalam penyata pendapatan. Terbitan unit bersih diiktiraf melalui penerimaan.

(iv) Komisen dan Perbelanjaan Agensi

Komisen dan perbelanjaan agensi, iaitu kos terus yang ditanggung bagi memperoleh premium bagi polisi insurans, ditolak dengan pendapatan yang diperolehi daripada penanggung insurans semula melalui premium yang diserahkan kepada penanggung insurans semula, dicaj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh ia ditanggung.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(n) Hasil Pengunderaitan Insurans Hayat (Samb.)

(v) Tuntutan dan Manfaat Polisi

Kos tuntutan dan penyelesaian yang ditanggung semasa tempoh kewangan adalah diiktiraf apabila suatu peristiwa yang boleh dituntut berlaku dan/atau penanggung insurans telah dimaklumkan dengan peristiwa tersebut.

Manfaat polisi diiktiraf dalam akaun apabila pemegang polisi menggunakan pilihan untuk mendepositkan bonus tunai dan manfaat hidup dengan Syarikat apabila manfaat telah matang. Manfaat polisi menggunakan kadar faedah yang tetap yang ditentukan oleh Syarikat dari semasa ke semasa.

Tuntutan dan peruntukan bagi tuntutan ke atas polisi insurans hayat, termasuk kos penyelesaian, dilaporkan berdasarkan satu demi satu kes dan untuk tujuan ini, manfaat yang boleh dibayar bagi polisi insurans hayat diiktiraf seperti berikut:

- (a) manfaat polisi matang atau manfaat lain yang perlu dibayar pada tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan yang boleh dibayar pada tarikh ia perlu dibayar;
- (b) manfaat kematian, serahan dan manfaat lain tanpa tarikh ia perlu dibayar, dianggap sebagai tuntutan yang boleh dibayar pada tarikh pemakluman kematian hayat yang dijamin atau perkara kecemasan yang boleh dilindungi;
- (c) manfaat yang kena dibayar di bawah perniagaan berkaitan pelaburan termasuk pembatalan unit bersih dan diiktiraf sebagai serahan; dan
- (d) bonus kepada polisi hayat tiada sertaan apabila perisytiharan.

(o) Pengiktirafan Lain-lain Hasil

Hasil diiktiraf pada tahap yang ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir ke dalam Syarikat dan hasil boleh diukur dengan betul. Hasil diukur pada nilai saksama balasan diterima atau boleh diterima.

Faedah atas pinjaman diiktiraf mengikut asas kadar masa yang mengambil kira kadar hasil efektif aset.

Sewa diiktiraf mengikut dasar terakru melainkan jika tiada pembayaran sewa berlaku dan sewa yang sepatutnya diterima masih tertunggak melebihi enam bulan, maka pengiktirafan pendapatan sewa akan digantung. Berikutan penggantungan, pendapatan diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga semua perbezaan telah dibayar.

Dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah disahkan.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(o) Pengiktirafan Lain-lain Hasil (Samb.)

Semua jualan pelaburan diiktiraf pada tarikh urus niaga iaitu tarikh Syarikat terikat untuk menjual aset tersebut. Keuntungan atau kerugian daripada jualan pelaburan dikira sebagai perbezaan antara hasil jualan dengan kos terlunas dan akan dikreditkan atau dicaj pada Penyata Pendapatan.

(p) Pendapatan Yuran dan Komisen

Pendapatan yuran dan komisen terdiri terutamanya daripada pendapatan yuran pengurusan dan komisen insurans semula. Yuran pengurusan termasuk pendapatan diperolehi daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan pelaburan bagi perniagaan berkaitan pelaburan. Pendapatan yuran ini diiktiraf sebagai hasil sepanjang tempoh dalam mana perkhidmatan diberikan. Sekiranya yuran bagi perkhidmatan untuk disediakan dalam tempoh-tempoh pada masa hadapan, maka ia ditunda dan diiktiraf sepanjang tempoh masa hadapan tersebut.

(q) Manfaat Persaraan Ejen

Peruntukan manfaat persaraan ejen dikira berdasarkan terma dan syarat dalam Perjanjian Wakil Jualan Jaminan Hayat ("Perjanjian").

Terma dan syarat Perjanjian menetapkan bahawa apabila ejen mengekalkan kedudukan untuk tahun kelayakan dan mencapai jualan peribadi serta dan memastikan tahap minima perniagaan baru, Syarikat akan memperuntukan manfaat tertunda/ganjaran persaraan kepada ejen tersebut.

Manfaat tertunda/manfaat persaraan terkumpul pada akhir setiap tahun akan adanya faedah terakru yang dikira pada mengikut kadar dividen yang diumumkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk tahun tersebut.

Manfaat tertunda terakru akan dibayar apabila Perjanjian telah berkuat kuasa untuk beberapa tahun kontrak tertentu dengan Syarikat dan ejen mencapai umur minima seperti ditetapkan dalam Perjanjian.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(r) Mata Wang Asing

(i) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata kewangan Syarikat dinilai menggunakan mata wang dalam persekitaran ekonomi utama di mana Syarikat beroperasi (“mata wang fungsian”). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”), juga merupakan mata wang fungsian Syarikat.

(ii) Urus Niaga Mata Wang Asing

Dalam penyediaan penyata kewangan Syarikat, urus niaga dalam mata wang selain mata wang fungsian Syarikat (“mata wang asing”) telah direkodkan dalam mata wang fungsian semasa menggunakan kadar tukaran pada tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh lembaran imbangan, item berbentuk wang dalam mata wang asing ditukarkan berdasarkan penggunaan kadar tukaran pada tarikh lembaran imbangan. Item bukan berbentuk wang menurut nilai saksama yang disebut dalam mata wang asing akan ditukar menggunakan kadar pada tarikh nilai saksama ditentukan. Item bukan berbentuk wang dikira dalam menurut kos sejarah tidak akan ditukarkan. Perbezaan kadar tukaran akibat penyelesaian dan pertukaran item berbentuk wang termasuk dalam Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

Kadar tukaran utama bagi mata wang asing berkuat kuasa pada tarikh lembaran imbangan digunakan seperti berikut:

	2014	2013
	RM	RM
Dollar Singapura	2.65	2.59
Dollar Amerika	3.50	3.28
Pound British	5.44	5.42
Dollar Australia	2.84	2.92
Dollar Hong Kong	0.45	0.42

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(s) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan dalam Penyata Pendapatan pada tahun yang ditinjau terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah amaun jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi untung boleh cukai bagi tahun berkenaan dan dinilai menggunakan kadar cukai yang berkuat kuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Selain membayar cukai ke atas keuntungan pemegang saham, perniagaan insurans hayat membayar cukai ke atas pada pulangan pelaburan pemegang polisi pada kadar cukai sebanyak 8%. Cukai kepada pemegang polisi diiktiraf sebagai perbelanjaan dan didedahkan secara berasingan sebagai cukai perniagaan insurans hayat dalam Penyata Pendapatan.

Cukai tertunda diberi peruntukan, menggunakan kaedah liabiliti, bagi perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan, antara cukai asas aset dan liabiliti, dengan amaun bawaan masing-masing dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara kena cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dipotong, kerugian cukai yang tidak diguna dan kredit cukai yang tidak digunakan sehingga kemungkinan keuntungan yang dikenakan cukai boleh diperolehi dapat digunakan bagi mengimbangi perbezaan sementara boleh dipotong, kerugian cukai yang tidak diguna dan kredit cukai yang tidak diguna.

Cukai tertunda dinilai pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh aset direalisasikan atau hutang diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah berkuat kuasa atau kemudiannya berkuat kuasa pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda dinyatakan dalam Penyata Pendapatan melainkan jika ia berlaku daripada suatu urusan niaga yang diiktiraf secara terus dalam ekuiti, yang mana cukai tertunda dicaj atau dikreditkan secara terus dalam ekuiti.

(t) Manfaat Pekerja

(i) Pelan caruman yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan berkanun

Seperti diperlukan undang-undang, syarikat di Malaysia perlu membuat caruman kepada skim pencen kebangsaan, Kumpulan Simpanan Wang Pekerja ("KWSP"). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan apabila ditanggung.

(ii) Kelayakan Cuti Pekerja

Hak pekerja untuk cuti tahunan dan cuti perkhidmatan panjang dianggarkan dan terakru mengikut dasar Sumber Manusia Syarikat.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(t) Manfaat Pekerja (Samb.)

(iii) Opsyen Saham

Eksekutif kanan Syarikat diberikan opsyen saham dalam Skim Opsyen Saham OCBC Bank sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan. Opsyen yang diberi secara amnya terletak hak pada kenaikan satu pertiga dalam tempoh 3 tahun dan tamat di antara 5 dan 10 tahun dari tarikh pemberian. Kos bagi urus niaga bayaran berasaskan penyelesaian ekuiti dengan eksekutif kanan diukur dengan merujuk kepada nilai saksama opsyen pada tarikh opsyen diberi yang mengambil kira keadaan pasaran dan syarat bukan letak hak. Kos diiktiraf dalam penyata pendapatan dana insurans masing-masing, dengan peningkatan yang sama dalam baki antara syarikat dengan syarikat induk muktamad, sepanjang tempoh letak hak.

Perbelanjaan terkumpul yang diiktiraf pada setiap tarikh laporan sehingga tarikh letak hak mencerminkan sejauh mana tempoh letak hak telah tamat dan anggaran terbaik Syarikat mengenai bilangan opsyen yang akhirnya akan diletak hak. Caj atau kredit kepada penyata pendapatan untuk tempoh yg berkenaan menunjukkan pergerakan dalam perbelanjaan terkumpul yang diiktiraf pada awal dan akhir tempoh itu.

Tiada perbelanjaan diiktiraf bagi opsyen yang pada akhirnya tidak terletak hak, kecuali bagi opsyen di mana letak hak adalah tertakluk kepada pasaran atau keadaan bukan letak hak, yang dianggap sebagai terletak hak tanpa mengira sama ada atau tidak keadaan pasaran atau bukan letak hak keadaan dipuaskan, dengan syarat semua persembahan dan/atau perkhidmatan syarat lain dipenuhi. Dalam kes di mana opsyen yang tidak terletak hak akibat dari kegagalan untuk memenuhi keadaan bukan letak hak yang dalam kawalan Syarikat atau eksekutif kanan, ia diambil kira sebagai pembatalan. Dalam kes itu, jumlah kos pampasan yang sepatutnya diiktiraf sepanjang baki tempoh letak hak akan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan apabila pembatalan berlaku.

(iv) Pelan Saham Tertunda

Selain Skim Opsyen Saham OCBC Bank, pekerja tertentu dalam Syarikat diberikan saham OCBC di bawah Rancangan saham OCBC tertunda ("DSP"). Terdapat 2 jenis anugerah saham tertunda. Anugerah saham tertunda yang diberikan sebagai sebahagian daripada pampasan insentif jangka panjang akan diletak hak tiga tahun dari tarikh pemberian dan akan luput jika kakitangan itu berhenti bekerja dalam tempoh letak hak. Bagi anugerah saham tertunda yang diberikan sebagai sebahagian daripada bonus prestasi berubah-ubah, separuh daripada anugerah saham akan diletak hak dua tahun dari tarikh pemberian dan baki selebihnya akan diletak hak pada akhir tempoh tiga tahun dari tarikh pemberian. Kos DSP diiktiraf di dalam penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh letak hak DSP.

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, perbelanjaan terkumpul diselaraskan untuk anggaran bilangan saham yang diberikan di bawah DSP yang telah terletak hak dan/atau luput.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.2 RUMUSAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(u) Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara terdiri daripada tunai dan baki di bank dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang kurang daripada tiga bulan, yang boleh ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(v) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi semasa akibat peristiwa lalu dan ianya berkemungkinan mengakibatkan aliran luar sumber faedah ekonomi yang perlu untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jangkaan munasabah yang boleh dilakukan. Peruntukan akan disemak pada setiap tarikh lembangan imbalan dan disesuaikan bagi menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Sekiranya ia tidak lagi berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber merangkumi manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, peruntukan diterbalikkan. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, peruntukan didiskaunkan dengan menggunakan kadar pra-cukai semasa yang menunjukkan risiko khusus kepada liabiliti. Di mana pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan kena dibayar disebabkan berlalunya masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

2.3 PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN DAN PENDEDAHAN

(a) Pindaan pada piawaian dan interpretasi

Pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan dan Interpretasi IC yang berkuatkuasa bagi tahun kewangan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Januari 2014 adalah seperti berikut:

- Pindaan terhadap MFRS 10, MFRS 12 and MFRS 127 *Entiti Pelaburan*
- Pindaan terhadap MFRS 132 *Mengofset Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan*
- Pindaan terhadap MFRS 136 *Pendedahan Amaun Boleh Pilih untuk Aset Bukan Kewangan*
- Pindaan terhadap MFRS 139 *Novasi Derivatif dan Penyambungan Perakaunan Lindung Nilai*
- Interpretasi IC 21 *Levi*

Penggunaan pindaan terhadap piawaian dan interpretasi ini tidak memberi kesan kepada penyata kewangan tahunan Syarikat.

(b) Klasifikasi semula angka perbandingan untuk disesuaikan dengan pembentangan tahun semasa

Perubahan dalam pembentangan perbelanjaan faedah yang ditanggung ke atas manfaat persaraan ejen

Dalam tahun-tahun sebelumnya, Syarikat melaporkan perbelanjaan faedah yang ditanggung ke atas manfaat persaraan ejen secara bersih dalam pendapatan pelaburan. Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah membuat keputusan untuk menambah baik penyampaian pendapatan pelaburan dan perbelanjaan faedah yang ditanggung pada manfaat persaraan ejen dengan melaporkan secara retrospektif menggunakan dasar kasar, dengan perbelanjaan faedah yang ditanggung ke atas ejen faedah persaraan yang dilaporkan di bawah perbelanjaan yuran dan komisen baris dalam penyata pendapatan.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) - 93745-A

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.3 PERUBAHAN DALAM POLISI DAN PROSEDUR PERAKAUAN (SAMB.)

(b) Klasifikasi semula angka perbandingan untuk disesuaikan dengan pembentangan tahun semasa (Samb.)

Perubahan dalam pembentangan perbelanjaan faedah yang ditanggung ke atas manfaat persaraan ejen (Samb.)

Kesan perubahan dalam pembentangan yang dinyatakan pada baris penyata pendapatan yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

31 Disember 2013	Seperti yang dinyatakan sebelum ini RM'000	Klasifikasi semula RM'000	Seperti dinyatakan semula RM'000
Pendapatan pelaburan	2,547,709	38,632	2,586,341
Perbelanjaan yuran dan komisen	(845,997)	(38,632)	(884,629)

Deposit jangka pendek yang akan matang dalam tempoh 3 bulan sebelum ini tidak dimasukkan sebagai sebahagian daripada Tunai dan Tunai Setara dalam Penyata Aliran Tunai, dan telah didedahkan sebagai sebahagian daripada peningkatan atau pengurangan dalam Pinjaman dan Penghutang (LAR) di bawah Tunai digunakan dalam aktiviti operasi. Walau bagaimanapun, bagi pendedahan tahun semasa, deposit jangka pendek akan dibentangkan sebagai sebahagian daripada Tunai dan Tunai Setara, selaras dengan MFRS 107 Penyata Aliran Tunai.

Pemadanan dalam penyata aliran tunai

31 Disember 2013	Seperti yang dinyatakan sebelum ini RM'000	Klasifikasi semula RM'000	Seperti dinyatakan semula RM'000
Peningkatan dalam LAR	(775,263)	(96,540)	(871,803)
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi	(1,573,036)	(96,540)	(1,669,576)
Tunai bersih yang terjana daripada aktiviti	578,636	(96,540)	482,096
Penambahan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan tunai setara	20,999	(96,540)	(75,541)
Tunai dan tunai setara pada awal tahun	17,284	1,717,030	1,734,314
Tunai dan tunai setara pada akhir tahun	38,283	1,658,773	1,658,773

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.4 PIAWAIAN DIKELUARKAN TETAPI BELUM DIKUATKUASAKAN

Pada tarikh penyata kewangan diluluskan, piawaian, pertukaran terhadap piawaian dan penambahbaikan terhadap piawaian yang diterbitkan di bawah telah dikeluarkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa dan belum diterima pakai oleh Syarikat.

Berkuatkuasa pada tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014

- Pertukaran terhadap MFRS 119 *Pelan Manfaat Ditentukan: Caruman Pekerja*
- Penambahbaikan tahunan terhadap kitaran MFRSs 2010-2012: Pertukaran terhadap MFRS 2 *Pembayaran Berasaskan Saham*
- Penambahbaikan tahunan kitaran MFRSs 2010-2012: Pertukaran terhadap MFRS 3 *Kombinasi Perniagaan*
- Penambahbaikan tahunan kitaran MFRSs 2010-2012: Pertukaran terhadap MFRS 116 *Harta Tanah, Loji dan Peralatan* dan MFRS 138 *Aset Tak Ketara*
- Penambahbaikan tahunan kitaran MFRSs 2010-2012: Pertukaran terhadap MFRS 124 *Pendedahan Pihak Berkaitan*
- Penambahbaikan tahunan kitaran MFRSs 2011-2013: Pertukaran terhadap MFRS 3 *Kombinasi Perniagaan*
- Penambahbaikan tahunan kitaran MFRSs 2011-2013: Pertukaran terhadap MFRS 13 *Pengukuran Nilai Saksama*
- Penambahbaikan tahunan kitaran MFRSs 2011-2013: Pertukaran terhadap MFRS 140 *Hartanah Pelaburan*

Berkuatkuasa pada tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016

- Pertukaran terhadap MFRS 11 *Perakaunan untuk Perolehan Kepentingan dalam Pengendalian Bersama*
- MFRS 14 *Peraturan Penundaan Akaun*
- Pertukaran terhadap MFRS 116 dan 138 *Penjelasan bagi Kaedah Boleh Diterima bagi Susut Nilai dan Penulasan*
- Pertukaran terhadap MFRS 116 dan 141 *Pertanian: Tumbuhan Penghasil*

Berkuatkuasa pada tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9 *Instrumen Kewangan*

Para Pengarah menjangka penggunaan piawaian di atas tidak akan menyebabkan impak yang material terhadap penyata kewangan Syarikat di masa permulaan penggunaan kecuali seperti yang dinyatakan berikut:

MFRS 9 Instrumen Kewangan: Klasifikasi dan Pengukuran

MFRS 9 mencerminkan fasa pertama pada kerja-kerja penggantian MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* dan berkaitan dengan klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*. Penerimaan pakai fasa pertama MFRS 9 akan mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan Syarikat. Walau bagaimanapun, adalah tidak praktikal untuk menyediakan anggaran munasabah kesan MFRS 9 hingga Syarikat telah menjalankan kajian terperinci instrumen kewangannya pada tahun-tahun akan datang.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.5 ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PENILAIAN YANG PENTING

(a) Penilaian Kritikal yang Dibuat dalam Mengaplikasikan Polisi Perakaunan

Penilaian berikut dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses menggunakan polisi perakaunan Syarikat yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(i) Pengelasan di antara Hartanah Pelaburan dan Hartanah dan Kelengkapan (Nota 3 dan 4)

Syarikat mempunyai beberapa kriteria berdasarkan MFRS 140 *Hartanah Pelaburan* dalam membuat penilaian sama ada sesuatu hartanah layak dikelaskan sebagai hartanah pelaburan. Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk memperoleh sewa atau meningkatkan modal atau keduanya.

Setengah hartanah terdiri daripada bahagian yang boleh disewa atau meningkatkan modal dan bahagian lain digunakan untuk digunakan dalam pengeluaran atau mengedar barangan atau perkhidmatan atau tujuan pentadbiran lain. Jika bahagian ini boleh dijual secara berasingan (atau disewa secara berasingan di bawah penyewa kewangan), Syarikat akan mengambil kira bahagian tersebut secara berasingan. Jika bahagian itu tidak boleh dijual secara berasingan, hartanah merupakan hartanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara digunakan untuk pengeluaran atau pengedaran barangan atau perkhidmatan atau tujuan pentadbiran. Penilaian dibuat ke atas hartanah secara individu untuk menentukan sama ada perkhidmatan sampingan adalah ketara bahawa hartanah

(ii) Kemerosotan Aset Kewangan AFS (Nota 6(b))

Penilaian ketara diperlukan bagi menilai kemerosotan aset kewangan AFS. Syarikat menilai tempoh dan tahap di mana nilai saksama ke atas pelaburan adalah kurang daripada kos; keadaan pelaburan dan perniagaan pada tempoh terdekat bagi pihak yang dilabur, termasuk tetapi tidak terhad kepada faktor seperti prestasi industri dan sektor, perubahan teknologi dan operasi serta aliran tunai kewangan.

(iii) Klasifikasi Kontrak Insurans (Nota 11)

Kontrak dikelaskan sebagai kontrak insurans di mana ia memindahkan risiko insurans ketara daripada pemegang polisi kepada Syarikat. Syarikat melaksanakan pertimbangan mengenai tahap risiko insurans yang dipindahkan. Sebagai garis panduan am, Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans ketara dengan membandingkan manfaat dibayar dengan manfaat perlu dibayar sekiranya peristiwa diinsuranskan tidak berlaku. Manfaat tambahan ini termasuk liabiliti tuntutan dan kos penilaian, tetapi tidak termasuk kehilangan kebolehan untuk mengenakan caj ke atas pemegang polisi bagi perkhidmatan pada masa hadapan. Penilaian meliputi keseluruhan tempoh kontrak dijangka di mana manfaat tambahan tertentu mungkin menjadi perlu dibayar.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.5 JANGKAAN PERAKAUNAN YANG KETARA DAN PENILAIAN (SAMB.)

(a) Penilaian Kritikal yang Dibuat bagi Polisi Perakaunan (Samb.)

(iv) Kemosotan Penghutang (Nota 8 dan 9)

Syarikat menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan merosot. Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif kemosotan, Syarikat mematuhi dengan Garis Panduan BNM mengenai Pelaporan Kewangan (BNM/RH/GL015-3). Mengikut Garis Panduan, bukti objektif kemosotan dianggap wujud di mana aset kewangan secara individu dinilai bagi kemosotan adalah melepasi tempoh kena dibayar melebihi 90 hari atau 3 bulan. Faktor-faktor lain yang dipertimbangkan oleh Syarikat adalah kebarangkalian ketidaksolvenan atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan pemungkiran atau kelewatan ketara dalam bayaran.

Di mana terdapat bukti objektif kemosotan, Syarikat akan mengiktiraf kerugian kemosotan dalam penyata pendapatan.

(b) Sumber Utama Jangkaan Ketidakpastian

Andaian utama melibatkan sumber penting masa hadapan dan sumber-sumber penting lain dalam ketidakpastian anggaran pada tarikh lembaran imbalan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah.

(i) Penilaian Liabiliti Kontrak Insurans Hayat (Nota 11)

Jangkaan liabiliti utama daripada tuntutan yang dibuat di bawah kontrak insurans hayat merupakan jangkaan perakaunan yang kritikal untuk Syarikat. Terdapat beberapa sumber ketidakpastian yang perlu dipertimbangkan dalam jangkaan liabiliti di mana Syarikat perlu membayar tuntutan.

Bagi kontrak insurans hayat, jangkaan dibuat bagi kematian, hilang upaya, morbiditi, penamatan secara sukarela, pulangan pelaburan dan perbelanjaan pentadbiran. Syarikat bergantung pada standard industri dan jadual penanggung insurans semula yang menunjukkan pengalaman masa lalu dan membuat penyelarasan yang sesuai bagi setiap pendedahan risiko daripada mortaliti, hilang upaya dan morbiditi. Jangkaan ini menyediakan asas penilaian manfaat masa depan yang akan dibayar kepada pemegang polisi dan memastikan peruntukan rizab mencukupi yang dipantau terhadap premium semasa dan masa depan. Bagi kontrak yang menginsuranskan risiko terhadap umur dan hilang upaya, jangkaan dibuat berdasarkan pengalaman lepas dan aliran semasa. Epidemik dan perubahan gaya hidup mungkin menyebabkan perubahan ketara terhadap pendedahan masa depan yang dijangka. Pada setiap tarikh laporan jangkaan ini dinilai bagi kecukupan dan perubahan ditunjukkan sebagai penyelarasan kepada liabiliti kontrak dana insurans.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

2.5 JANGKAAN PERAKAUNAN YANG KETARA DAN PENILAIAN (SAMB.)

(b) Sumber Utama Jangkaan Ketidakpastian (Samb.)

(ii) Manfaat Persaraan Ejen (Nota 13)

Peruntukan manfaat persaraan ejen dikira berdasarkan terma dan syarat perjanjian, yang menentukan bahawa ejen yang mengekalkan kedudukannya bagi tahun kelayakan dan mencapai jualan peribadi yang diperlukan serta memastikan tahap minimum perniagaan baru, Syarikat akan memperuntukkan manfaat tertunda/ganjaran persaraan kepada ejen. Faedah terakru adalah berdasarkan kadar jangkaan pada akhir tahun kewangan bagi manfaat tertunda/manfaat persaraan terkumpul dengan penyelarasan dibuat kepada tahun berakhir selanjutnya apabila kadar dividen diisytiharkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Peruntukan tambahan yang dibuat untuk melindungi jangkaan liabiliti bagi manfaat masa depan dibayar semasa kematian atau hilang upaya total dan kekal bagi ejen yang layak dan anggaran dibuat bagi kematian, hilang upaya, pulangan pelaburan dan manfaat yang dibayar. Manfaat persaraan ejen akan diletak hak dan dibayar bagi memenuhi syarat yang ditetapkan di atas.

Penilaian diperlukan bagi peruntukan yang dijangka akan dibuat, berdasarkan kemungkinan memenuhi syarat dan kejadian tuntutan yang berlaku.

Pada setiap tahun laporan, jangkaan ini dinilai semula bagi kecukupan dan perubahan akan dinyatakan sebagai penyelarasan kepada peruntukan.

(iii) Cukai tertunda (Nota 14)

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua kerugian cukai belum digunakan sehingga kemungkinan keuntungan yang dikenakan cukai boleh diperoleh dapat digunakan bagi mengimbangi kerugian cukai yang tidak diguna. Penilaian penting daripada pihak pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan yang dikenakan cukai masa depan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

Andaian mengenai penjanaan keuntungan boleh dikenakan cukai masa depan bergantung kepada anggaran pihak pengurusan mengenai aliran tunai masa hadapan. Ini bergantung kepada anggaran pengeluaran dan jumlah jualan pada masa hadapan, kos operasi, perbelanjaan modal, dividen dan urusniaga pengurusan modal lain. Penilaian juga diperlukan mengenai penggunaan undang-undang cukai pendapatan. Penilaian dan andaian adalah tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian, oleh itu ada kemungkinan bahawa perubahan dalam keadaan akan mengubah jangkaan yang boleh memberi kesan kepada jumlah aset cukai tertunda diiktiraf dalam lembaranimbangan dan jumlah kerugian cukai yang tidak diiktiraf dan perbezaan sementara yang tidak diiktiraf.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan in Malaysia) - 93745-A

3. HARTANAH DAN KELENGKAPAN

<----- Hartanah ----->

	Tanah Pegangan Bebas RM'000	Bangunan Atas Tanah Pegangan Bebas RM'000	Bangunan Atas Tanah Sewaan RM'000	Kerja Pembangunan Dalam Proses RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Mesin dan Kelengkapan RM'000	Kelengkapan Pejabat dan Perabot RM'000	Kelengkapan Komputer RM'000	Jumlah RM'000
Kos									
Pada 1 Januari 2014	13,861	331,560	65,659	17,724	2,442	78,213	57,510	398,744	965,713
Penambahan	-	290	28	220	329	6,370	1,178	34,136	42,551
Pelupusan	-	-	-	-	(296)	-	-	(339)	(635)
Pengelasan semula	-	6,765	-	(9,604)	-	362	2,770	(293)	-
Hapus-kira	-	-	-	(176)	-	-	-	(463)	(639)
Pada 31 Disember 2014	13,861	338,615	65,687	8,164	2,475	84,945	61,458	431,785	1,006,990
Susutnilai dan kemerosotan nilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2014	-	97,973	19,449	-	1,702	64,957	43,102	283,429	510,612
